

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 8
HINGGA 68)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO : 8
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]
TARIKH 20 MAC 2012
SOALAN

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- (a) Jumlah bilangan aduan awam yang telah diterima atas kecuaiian doktor Kerajaan dan apakah hasil siasatan setakat ini; dan
- (b) Butir-butir tentang kekurangan doktor, doktor pakar (*general practitioners and specialists*) di hospital Kerajaan dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tan Sri Yang di-Pertua

Bilangan aduan orang awam yang diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara puratanya adalah sebanyak 4500 aduan setahun. Jumlah aduan berpotensi medikolegal (perundangan perubatan) yang dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Bebas dari tahun 2006 hingga 2011 adalah sebanyak 549 kes iaitu secara puratanya 90 kes setahun. Oleh yang demikian, secara ringkasnya bagi setiap 100 kes

aduan terdapat 2 kes atau 2% yang berpotensi medikolegal.

Bagi kesemua kes yang telah disiasat daripada tahun 2006 sehingga tahun 2011, sebanyak 141 kes diselesaikan di mahkamah sementara 196 kes diselesaikan di peringkat KKM secara ex gratia.

Tan Sri Yang di-Pertua

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar di KKM. Antaranya melalui pertambahan jumlah tajaan biasiswa daripada 600 tempat kepada 800 tempat setahun mulai tahun 2011 bagi melatih Pegawai Perubatan KKM menjadi Pegawai Perubatan Pakar. Sehingga 29 Februari 2012, terdapat seramai 2,644 orang Pegawai Perubatan sedang mengikuti latihan kepakaran dan sub kepakaran di dalam dan luar negara.

Selain itu, pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan turut menyumbang kepada peningkatan Pegawai Perubatan di KKM. Perkara ini dapat dilihat melalui peningkatan lantikan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah di KKM yang melebihi 3,000 orang setahun mulai tahun 2009 berbanding dengan hanya 1,290 orang pada tahun 2007. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pegawai Perubatan Latihan Siswazah yang dilantik pada tahun

2011 ialah seramai 3,564 orang. Pertambahan yang amat ketara ini telah meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar di KKM kepada 21,747 orang pada tahun 2011.

Di samping itu, sebagai langkah tambahan, KKM juga telah melantik Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar secara kontrak untuk berkhidmat di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM. Sehingga 29 Februari 2012, terdapat seramai 643 orang Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar kontrak di KKM.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

LISAN

DATO⁵ LILAH BIN YASIN [JEWIPOL]

20.03.2012 (SELASA)

DATO' LILAH BIN YASIN [JEWIPOL] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan

- a) apakah kejayaan Produk 1 Malaysia; dan**
- b) sejauh manakah dasar ini dapat dinikmati oleh rakyat seluruh negara dan apakah kesan jangka panjang kepada negara Malaysia.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

a) dan b) Produk 1 Malaysia telah membantu pengguna dengan memberi manfaat dengan menawarkan barangan keperluan pengguna pada harga sehingga 50% lebih rendah berbanding barangan sama berjenama, namun kualiti tetap diutamakan. Produk 1 Malaysia ini juga telah membantu rakyat yang berpendapatan rendah khususnya di kawasan Bandar menangani peningkatan kos sara hidup.

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN

DARIPADA

**TARIKH
SOALAN**

LISAN

Y.B. DR. LEE BOON CHYE

[GOPENG]

20 MAC 2012

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**
menyatakan bagaimana ¹⁰ Kementerian menjamin keselamatan
tapak pembuangan sisa dari kilang ARE kepunyaan Mitsubishi
Chemical sejak ARE berhenti beroperasi pada tahun 1992.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) sentiasa memastikan tapak repositori sisa yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi (*Naturally Occuring Radioactive Material, NORM*) dari kilang Asian Rare Earth (ARE) kepunyaan Mitsubishi Chemical adalah selamat iaitu tidak membahayakan orang awam, alam sekitar dan pekerja. Langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh LPTA adalah seperti berikut:

1. LPTA telah mewujudkan bacaan dos sinaran latarbelakang bagi tapak pembuangan sisa dan data ini akan digunakan untuk perbandingan dos sinaran yang akan dihasilkan pada masa hadapan.
2. Menempatkan pegawai LPTA di tapak projek bagi memantau dan mengawasi secara terus-menerus kerja-kerja pembubaran dan pelupusan (*Decommissioning and Disposal, D&D*) sisa NORM serta memastikan syarikat ARE mematuhi Akta 304, Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya dan syarat-syarat lesen.
3. Memasang Sistem Pengesanan Sinaran (*Environmental Radiation Monitoring System, ERMS*) di tapak projek bagi memantau tahap sinaran secara berterusan pada setiap masa dari Ibupejabat LPTA. Sistem ini akan memberi amaran supaya tindakbalas diambil jika tahap sinaran melebihi dari bacaan latarbelakang (*background reading*). Ini bagi membolehkan pegawai LPTA bertindak segera menangani keadaan keselamatan di tapak projek.
4. Melakukan pemantauan dan pemantauan radiologi dan alam sekitar pada setiap dua minggu di tapak projek (*on site*) dan di luar tapak projek (*off site*) di sekitar 2 km, 5 km dan 10 km. Pemantauan meliputi pengukuran sinaran luaran dan dalaman melalui pengambilan sampel tanah, air, air bawah tanah, air sungai, flora, fauna, debu udara, radon dan toron.
5. Menubuhkan jawatankuasa pemantauan dan penilaian teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar dari pelbagai agensi seperti Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral dan

Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perak, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN) bagi membantu LPTA memantau dan melakukan verifikasi aspek perlindungan sinaran, kejuruteraan sivil, alam sekitar, geoteknikal/geosains bumi supaya sentiasa memenuhi syarat-syarat dan kehendak LPTA serta obligasi antarabangsa iaitu Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (*International Atomic Energy Agency, IAEA*).

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATO' ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
(KUALA KRAU)**

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Ismail Bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan status permohonan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang bagi memiliki bangunan ibu pejabat sendiri yang telah dibuat di dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10).

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebagai agensi

penyelaras pengurusan Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia telah mengemukakan permohonan projek-projek pembangunan fizikal Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia pada tahun 2010 bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-10 yang bermula pada tahun 2011. Antara projek-projek yang dikemukakan ialah termasuk membina bangunan ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang.

1

Walau bagaimana pun, projek pembangunan ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang **tidak** tersenarai untuk dilaksanakan dalam RMKe-10 bagi *Rolling Plan 1* (RP 1). Seterusnya, dalam pelaksanaan RMKe-10 *Rolling Plan 2* (RP 2), pihak JKSM sekali lagi telah mengemukakan permohonan projek bangunan ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang pada tahun 2011. Namun, sekali lagi permohonan projek tersebut **tidak** disenaraikan untuk dilaksanakan bagi tempoh pelaksanaan RP 2 (2012-2013).

JKSM tetap berusaha untuk mengemukakan permohonan projek pembangunan Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang tersebut dan permohonan akan dibuat sekali lagi pada tahun ini bagi pelaksanaan RMKe-10, *Rolling Plan 3*(2013-2014).

Sekian, terima kasih.

LISAN
TUAN PEMBERITAHUAN PERTANYAAN CHUA TIAN CHANG [
BATU] DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
20.03.2012 (SELASA)

PERTANYAAN

DARIPADA TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta **MENTERI**
TARIKH PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan

- (a) Sejauh manakah kewajaran memaksa pengusaha memaparkan logo 1 Malaysia ke atas barang kawalan dan subsidi akan ditarik sekiranya pengusaha gagal berbuat demikian; dan
- (b) berapakah jumlah perbelanjaan Kerajaan bagi Kedai Rakyat 1 Malaysia dan menu rakyat 1 Malaysia sejak pelancarannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Pemaparan logo 1 Malaysia bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna mengenai barangan bersubsidi supaya tidak disalahgunakan untuk tujuan keuntungan dan ia juga merupakan salah satu cara untuk Kerajaan memaklumkan rakyat bahawa Kerajaan memberi subsidi ke atas barangan tertentu.

Pelaksanaan pemaparan logo 1 Malaysia ke atas barang kawalan dibuat setelah Kementerian mengadakan perbincangan dan mendapat persetujuan dengan pihak pengilang barang kawalan. Oleh itu, dakwaan bahawa Kerajaan memaksa pengilang melaksanakan pemaparan logo 1 Malaysia adalah tidak benar. Pelaksanaan pemaparan logo 1 Malaysia ke atas barang kawalan merupakan hasil persetujuan bersama Kerajaan dan pihak pengilang. Pada masa yang sama, pengilang telah bersetuju melaksanakan inisiatif ini bagi membantu Kerajaan menyampaikan maklumat berkaitan subsidi dan melaksanakannya sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat mereka.

Kerajaan membelanjakan sebanyak RM40 juta bagi membuka 85 buah KR1M menjelang akhir tahun 2012 di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI]
TARIKH 20 MAC 2012
SOALAN**

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status penubuhan Klinik 1 Malaysia di Sarikei dalam masa terdekat. Nyatakan juga jumlah Klinik 1 Malaysia di seluruh negeri Sarawak dan jumlah perbelanjaan sejak klinik ini ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua

Mengenai penubuhan Klinik 1 Malaysia di Sarikei, sukacita dimaklumkan bahawa sebuah Klinik 1 Malaysia telah dicadangkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Jakar, Sarikei. Sehingga kini, terdapat 9 buah klinik 1 Malaysia di Sarawak yang telah menelan perbelanjaan

sebanyak RM2,921,359 sepanjang tahun 2010 dan 2011.

Tuan Yang Di-Pertua

YB Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] meminta dinyatakan mengenai sambutan rakyat terhadap Klinik 1 Malaysia yang diwujudkan di beberapa tempat seluruh negara, serta jumlah mereka yang menggunakan kemudahan ini, dan pecahannya mengikut negeri.

Sehingga Februari 2012, sebanyak 99 buah Klinik 1 Malaysia (K1M) sedang beroperasi di seluruh Negara. Klinik 1 Malaysia telah mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat bandar kerana kemampuan klinik berkenaan menyediakan perkhidmatan rawatan yang ringan dan mudah diperolehi. Ia juga disifatkan sebagai langkah wajar Kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada semua golongan masyarakat di mana sehingga Februari 2012, sejumlah 3,703,470 kedatangan kumulatif ke Klinik 1 Malaysia dicatatkan di seluruh negara semenjak awal penubuhan K1M iaitu pada Januari 2010. Purata kedatangan adalah di antara 50 orang hingga 150 orang pesakit sehari di setiap klinik. Dari jumlah ini, kedatangan pada 2010 adalah seramai 1,327,580 orang pesakit dan kedatangan pada tahun 2011 adalah seramai 1,986,535 orang pesakit.

Untuk tahun 2010, kedatangan tertinggi dicatatkan oleh negeri Perak seramai 168,231 orang pesakit, diikuti oleh Johor seramai 139,053 orang pesakit dan Sarawak seramai 126,898 orang pesakit. Kedatangan ke negeri-negeri lain adalah di antara 20,000 hingga 100,000 pesakit setahun.

Pada tahun 2011, kedatangan tertinggi dicatatkan oleh negeri Perak seramai 320,127 orang pesakit, diikuti oleh Johor seramai 246,485 orang

NO SOALAN

pesakit dan Selangor seramai 200,323 orang pesakit. Kedatangan pesakit di negeri-negeri lain adalah di antara 20,000 hingga 180,000 setahun.

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT,

MALAYSIA

**DARI PADA : Y.B. DR. MICHEALJEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2012

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah saham Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dipegang oleh Kerajaan Malaysia sehingga TNB di korporatkan, dan jumlah saham yang dijual kepada pihak-pihak swasta di pasaran saham setiap tahun sehingga sekarang. Juga nyatakan harga purata bagi saham TNB untuk setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Tenaga Nasional Bhd (TNB) dahulunya dikenali sebagai Lembaga Letrik Negara merupakan sebuah Badan Berkanun yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan. Setelah dikorporatkan dan disenaraikan di Bursa Malaysia pada tahun 1992, pegangan Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) sebanyak 2,197,259,571 unit saham biasa telah dilupuskan kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan secara

berperingkat sehingga tahun 2004 seperti di Jadual 1. MKD kini memiliki satu Saham Khas di dalam TNB. Selain itu, harga purata bagi saham TNB menunjukkan turun naik sejak 5 tahun kebelakangan ini seperti di Jadual 2.

Jadual 1: Pelupusan Saham Menteri Kewangan Diperbadankan Dalam Tenaga Nasional Bhd

Tahun	Jumlah Pegangan	Jumlah Pindah milik	Baki	Syarikat Berkaitan Kerajaan
1992	2,197,259,571			
1994		1,206,109,328	991,150,243	Khazanah Holdings Bhd
1994		255,000,000	736,150,243	Bank Negara Malaysia
1994		55,000,000	681,150,243	Permodalan Nasional Bhd
1995		140,000,000	541,150,243	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
1997		10,000,000	531,150,243	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
2003		300,000,000	231,150,243	Petroleum Nasional Bhd
2003		132,000,000	99,150,243	Kumpulan Wang Amanah Pencen
2004		99,150,243	0	Khazanah Holdings Bhd

Jadual 2: Harga Purata Bagi Saham TNB

NO SOALAN

Tahun	Harga Purata (RM)
1992 - 2007	Tiada maklumat.
2008	7.52
2009	7.51
2010	8.46
2011	6.01
2012 (setakat 29 Februari 2012)	6.10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL**
(LABUAN)

TARIKH **20.03.2012**

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah dilakukan dalam menangani kes kesalahan salah cetak slip keputusan SPM yang membabitkan tujuh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St. George Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memohon maaf atas kesilapan teknikal yang berlaku dan akan memastikan masalah sedemikian tidak akan berulang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung kes kesilapan mencetak slip keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2010, kesilapan tersebut berpunca daripada masalah teknikal pada aplikasi pemprosesan data keputusan yang diubahsuai pada tahun 2009 bagi merangkumi sistem penggredan baru dengan pertambahan gred A+.

KPM akan sentiasa memastikan pendidikan negara relevan dengan tuntutan semasa dan masa depan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara. Sebagai langkah memantapkan sistem pendidikan negara, antara usaha yang diambil oleh KPM ialah melaksanakan penambahbaikan kepada sistem peperiksaan kebangsaan.

Rjm 25

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN **: LISAN**

DARI PADA **: DATO' KAMARUDIN BIN JAAFAR**

[TUMPAT]

TARIKH : 20 MAC 2012

SOALAN:

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang akan dibuat oleh Kementerian untuk mengelakkan banjir akibat daripada limpahan Sg. Golok yang dibenteng oleh Kerajaan Thailand tapi tidak dibenteng oleh Kerajaan kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengelakkan banjir akibat daripada limpahan Sungai Golok, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mempunyai perancangan untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Golok.

Permohonan bagi projek ini telah dibuat dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) dan *Rolling Plan* Kedua (RP 2) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tetapi tidak dipertimbangkan kerana kekangan kewangan.

Pihak Kementerian telah membuat permohonan semula untuk mendapatkan peruntukan berjumlah RM 70 juta dalam *Rolling Plan* Ketiga (RP 3) RMKe-10 bagi pelaksanaan dalam tahun 2013-2014.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

LISAN

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis]

20 MAC 2012 (SELASA)

**Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan**

- a) Bilakah jangkaan Malaysia akan mencapai status mampu diri dari segi pembekalan makanan kerana ketika ini bil import makanan sudah mencecah RM15 bilion setahun; dan
- b) apakah insentif-insentif bagi petani dan pentemak yang berskala besar

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011 Malaysia mencapai tahap sara diri (SSL) melebihi 100% bagi tiga (3) kumpulan komoditi makanan iaitu daging ayam/itik (128.1%), telur (117.7%) dan ikan makanan (101.7%). Tahap sara diri melebihi 100% bagi ketiga-tiga kumpulan komoditi makanan ini dijangka kekal sehingga tahun 2020 berdasarkan kepada pencapaian pengeluaran semasa yang dapat memenuhi permintaan pasaran.
2. Tahap sara diri bagi komoditi-komoditi makanan yang lain walaupun masih belum mencapai 100% tetapi dijangka akan terus meningkat menjelang 2020. Tahap sara diri bagi komoditi sayur-sayuran, buah-buahan, daging lembu/kerbau, daging kambing/bebiri dan susu diunjurkan meningkat masing-masing pada kadar 1.5%, 5.1%, 1.3%, 11.3%, 0.3% dan 2.6%. Bagi komoditi beras pula, tahap sara diri ditetapkan pada kadar 70% sehingga tahun 2020. Walau bagaimanapun, kadar SSL beras 70% ini akan sentiasa dikaji dengan mengambil kira jaminan bekalan beras dalam negara, senario pasaran beras global dan kos relatif pengimportan.

3. Kerajaan juga semenjak tahun 2001 telah mewujudkan insentif percukaian untuk dimanfaatkan oleh para petani, penternak, nelayan dan pengeluar agromakanan. Insentif ini berbentuk pengecualian atau potongan cukai pendapatan serta elaun pelaburan bagi aktiviti pengeluaran bahan makanan yang dipersetujui di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, yang diberikan kepada syarikat atau para pengeluar produk makanan bagi memastikan pelaburan untuk pengeluaran bekalan produk makanan dapat dipertingkatkan.

4. Insentif percukaian ini adalah terpakai bagi projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan seperti berikut:

- i. penanaman (sayur-sayuran, buah-buahan, kenaf, herba dan rempah);
- ii. penternakan (lembu, kambing, biri-biri);
- iii. akuakultur;
- iv. perikanan laut dalam; dan
- v. projek integrasi yang melibatkan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan (seperti yang disenaraikan di atas) bersama aktiviti pemprosesan yang berkaitannya.

Pemberian insentif percukaian ini telah dilanjutkan selama lima tahun sehingga 31 Disember 2015.

5. Selain daripada itu, terdapat juga insentif-insentif lain yang ditawarkan oleh Jabatan dan Agensi Kementerian ini melalui bentuk-bentuk seperti subsidi diesel dan petrol, geran bagi bantuan input pertanian, benih dan baka, harga, peralatan, pembiayaan projek pembangunan pertanian dan infrastruktur; serta pembiayaan berbentuk pinjaman menerusi Agrobank, Tekun Nasional, dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA Y.B. DATO¹ SERI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
(SEPANG)
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 20.03.2012

Y.B. DATO¹ SERI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mewujudkan Jawatankuasa Khas bagi memantau urus tadbir setiap kali penstrukturan organisasi syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi mengelak kerugian syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semua syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) terbesar yang diletakkan di bawah Program Transformasi GLC (Program GLCT) merupakan syarikat-syarikat awam yang tersenarai. Kerajaan, melalui syarikat-syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) sebagai pemegang saham terbesar GLC, sememangnya memantau serta menyelia operasi dan inisiatif GLC termasuk sebarang aktiviti penstrukturan atau transformasi melalui perwakilan yang dilantik masing-masing dalam Lembaga Pengarah GLC-GLC berkenaan. Sehubungan itu, tiada keperluan untuk mewujudkan Jawatankuasa

Khas bagi memantau tadbir urus syarikat termasuk dalam

NO SOALAN :18

penstrukturan organisasi syarikat memandangkan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urusan tadbir syarikat. Di samping itu, amalan ini adalah selaras dengan amalan baik tadbir urusan korporat dan tadbir urusan Lembaga Pengarah.

2. Lembaga Pengarah GLC terdiri daripada Pengarah Bukan Bebas yang mewakili GLIC dan Kerajaan serta Pengarah Bebas bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat di peringkat Lembaga Pengarah memelihara kepentingan syarikat, pemegang sahamnya serta orang ramai, secara amnya.

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]
TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)
SOALAN Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan

- a) apakah pendirian Malaysia mengenai laporan Traffic International yang menempatkan Malaysia sebagai “10 ke atas” bagi pemburuan ikan yu; dan
- b) apakah rancangan Kerajaan bagi mengatasi pemburuan ikan yu ini.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Jawapan (a)

Jabatan Perikanan Malaysia mendapati bahawa laporan *Traffic International* tersebut merujuk kepada data rekod daripada *Food and Agriculture Organization (FAO)* dan juga Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Ikan Yu (*National Plan of Action (NPOA) - Shark*) 2006. Malaysia telah melaporkan maklumat dengan telus dalam Perangkaan Perikanan Tahunan mengenai pendaratan ikan yu seperti yang dipetik dalam kedua-dua laporan tersebut. Walau bagaimanapun telah banyak berlaku perubahan dan penambahbaikan yang telah diambil oleh Malaysia dalam tindakan-tindakan pemuliharaan, pengurusan dan pembangunan sektor perikanan negara semenjak 2006 sehingga sekarang.

Malaysia merupakan negara tropika yang mempunyai perikanan multi-spesies. Oleh sebab itu pengurusan sumber perikanan dibuat secara menyeluruh. Di

Malaysia, spesies ikan Yu bukanlah spesies sasaran sebaliknya mereka ditangkap bersama dengan spesies-spesies ikan komersial yang lain melalui penggunaan pukot tunda, pukot hanyut dan juga pancing. Pada tahun 2008 hingga 2010, purata pendaratan ikan yu sebenarnya telah berkurang kepada jumlah cuma kira-kira 1.6% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia berbanding jumlah tertinggi kira-kira 2.2% pada 2003 seperti yang dipetik oleh pihak *Traffic International* dalam buku laporannya *The Future of Sharks: A Review of Action and Inaction* yang telah dikeluarkan pada bulan Januari 2011.

Malaysia sememangnya mengambil berat terhadap kepentingan perikanan sebagai salah satu punca protein makanan kepada penduduk. Perhatian berat juga diberikan kepada semua spesies ikan yang terancam termasuklah ikan yu. Dengan itu Malaysia telah mengambil tindakan strategik melalui langkah-langkah pengurusan dan pemuliharaan spesies tersebut dari semasa ke semasa.

Jawapan (b)

Selaras dengan Kod Amalan Untuk Perikanan Yang Bertanggungjawab (*Code of Conduct for Responsible Fisheries*) yang telah diterima pakai oleh semua anggota FAO pada tahun 1995 dan juga sebagai pematuhan kepada instrumen antarabangsa, Malaysia telah menerima pakai Pelan Tindakan Antarabangsa bagi Ikan Yu (*International Plan of Action (IPOA) - Shark*) pada 2001. Sebagai komitmen selanjutnya, Malaysia telah menubuhkan dan mendokumentasikan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Ikan Yu (*National Plan of Action (NPOA) - Shark*) pada 2006. Pelan tindakan ini menekankan kepentingan ikan yu dalam pemuliharaan biodiversiti marin dan penggunaan sumbernya secara mapan untuk generasi masa hadapan. Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Ikan Yu mempunyai matlamat termasuklah seperti berikut:

- i. memastikan tangkapan ikan yu dibuat secara mapan;
- ii. mengenalpasti ancaman kepada ikan yu dan perlindungan kepada habitat kritikalnya;
- iii. mempertingkatkan rangka kerja untuk penyelarasan konsultasi yang efektif melibatkan *stakeholder* dalam penyelidikan, pengurusan dan pendidikan;

- iv. mengurangkan tangkapan sampingan ikanyu yang tidak digunakan; dan
- v. mempertingkatkan pemantauan pendaratan ikan yu dsb.

Sebagai tambahan kepada rancangan pengurusan perikanan, Malaysia juga telah menubuhkan dan mendokumentasikan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Kapasiti Penangkapan Ikan pada 2008 (*National Plan of Action for the Management of Fishing Capacity in Malaysia*). Pelan ini adalah berdasarkan 1999 *FAO International Plan of Action for the Management of Fishing Capacity/ IPOA-Fishing Capacity*). Objektif pelan ini ialah untuk mencapai pengurusan kapasiti penangkapan ikan yang efisien, saksama dan telus. Pelan ini menyatakan langkah-langkah pengurusan perikanan yang berterusan yang telah diambil tindakan oleh Malaysia termasuklah perkara-perkara:

- i. menghadkan usaha penangkapan ikan melalui pelesenan vesel dan peralatan menangkap ikan;
- ii. pendaftaran nelayan;
- iii. pengurusan zon-zon penangkapan ikan;
- iv. pemuliharaan sumber perikanan; dan
- v. aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berterusan.

Dari sudut perundangan pula, spesies-spesies ikan yu tertentu telah dilindungi oleh undang-undang perikanan negara. Yu Paus di lindungi di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999. Manakala 7 lagi ikan yu dalam spesies Yu Gergaji telah dimasukkan dalam Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) (Pindaan) 2008 sebagai haiwan yang dilindungi. Tujuan perlindungan ini ialah bagi mencegah ikan yu dari kepupusan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]
TARIKH 20 MAC 2012
SOALAN

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kenapa hanya seorang doktor di Hospital Tenom dan cara-cara untuk meningkatkan kelengkapan kesihatan di daerah-daerah pedalaman Sabah.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Tenom merupakan hospital daerah tanpa pakar dengan 92 buah katil pesakit dalam. Pada tahun 2011, Kadar Penggunaan Katil atau *Bed Occupancy Rate* (BOR) bagi Hospital Tenom adalah 36.7 peratus, manakala, bilangan pesakit luar adalah dianggarkan seramai 150 orang sehari.

Pada masa ini, terdapat seramai empat (4) orang Pegawai Perubatan yang berkhidmat di hospital tersebut serta dibantu oleh 62 orang Jururawat dan 18 orang Penolong Pegawai Perubatan dengan peratus pengisian bagi ketiga-tiga jawatan tersebut adalah sebanyak 94.38 peratus berbanding jumlah perjawatan.

Bagi memberikan perkhidmatan kepakaran kepada penduduk setempat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengaturkan lawatan secara berkala oleh Pegawai Perubatan Pakar ke Hospital Tenom yang meliputi

SOALAN NO : 22

bidang kepakaran seperti Obstetrik & Ginekologi, Oftalmologi, Pembedahan, Perubatan, Orthopedik, Pediatrik, Psikiatri dan Hematologi.

Berdasarkan kepada jumlah pegawai tetap yang berkhidmat di hospital berkenaan, kadar BOR, jumlah pesakit luar dan perkhidmatan kepakaran secara lawatan berkala, Hospital Tenom telah dapat memberikan perkhidmatan perubatan yang memuaskan kepada penduduk setempat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. DATINLINDA TSEN THAU LIN
[BATU SAPI]**

TARIKH JAWAPAN :

20 MAC 2012

(SELASA)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

NO. 21

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah bekalan elektrik di Sabah, terutamanya di Pantai Timur seperti Sandakan dapat dipertingkatkan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan gangguan bekalan elektrik di kawasan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan amat peka akan masalah ketidakcukupan bekalan elektrik yang dihadapi oleh pengguna-pengguna di Sabah. Perancangan pembekalan elektrik di negeri Sabah merupakan suatu komitmen menyeluruh dan berterusan Kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap keboleharapan pembekalan elektrik di Sabah.

Tahap pembekalan elektrik di sesuatu tempat boleh diukur melalui pencapaian *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) (dengan izin) yang merupakan indeks yang digunakan untuk menilai kadar gangguan bekalan yang dialami oleh seseorang pengguna setahun. Bagi kawasan Sandakan, SAIDI yang telah dicatatkan pada tahun 2009 adalah sebanyak 5,171 minit/pelanggan/tahun. Hasil dari usaha-usaha yang telah diambil oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dengan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan, indeks SAIDI ini telah dapat dikurangkan kepada 822 minit/pelanggan/tahun atau penurunan 84 peratus pada tahun

2010 dan seterusnya kepada 638 minit/pelanggan/tahun pada tahun 2011, iaitu penurunan sebanyak 22 peratus. Pencapaian indeks SAIDI ini menunjukkan bahawa prestasi pembekalan elektrik di kawasan Sandakan dari aspek dayaharap telah dipertingkatkan.

Prestasi positif ini merupakan kesinambungan impak daripada pelaksanaan pelbagai projek-projek pengukuhan dan menaik taraf sistem di seluruh negeri Sabah yang dibiayai melalui peruntukan khas daripada Kerajaan Persekutuan di bawah dana khas Inisiatif SAIDI 700 minit pada tahun 2010 dan Inisiatif SAIDI 4.7.7 pada tahun 2011.

Antara projek yang telah memberikan impak yang besar di bawah inisiatif ini adalah projek pemasangan set generator mudah alih dengan kapasiti penjanaan 20MW di Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Sim-Sim, projek menaik taraf alatubah di PPU Tshun Ngen, projek menaik taraf sistem perlindungan atau *protection system* (dengan izin) melalui pemasangan *current differential relay* (dengan izin) pada sistem 33kV serta projek pemasangan *Transmission Lightning Arrestor* (TLA) (dengan izin) pada talian 33kV.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Kerajaan telah mengenai pasti beberapa lagi projek untuk dilaksanakan merangkumi segmen penjanaan, penghantaran dan pembahagian khususnya di Sandakan dan kawasan-kawasan lain di Pantai Timur Sabah. Pelaksanaan projek-projek pembekalan elektrik ini dijangka dapat meningkatkan lagi dayaharap pembekalan elektrik di Sandakan serta dapat membantu merencanakan lagi projek-projek pembangunan ekonomi yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Sabah seperti

pembangunan Projek *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC) Sandakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI
SAMSURI [BAGAN SERAI]**

TARIKH

20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kenapa penggunaan perisian Emergensys dalam MERS 999 masih digunakan oleh Telekom Malaysia walhal perisian tersebut gagal dalam mengatasi kelewatan ambulans, bomba dan panggilan palsu. Berapakah kos pengendaliannya dan luas perkhidmatannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan perisian Emergensys yang sama dalam Sistem MERS 999 adalah untuk memastikan kesinambungan projek selari dengan pelaksanaan MERS 999 di bawah RMKe-9. Adalah tidak benar mengatakan sistem ini gagal mengatasi kelewatan Agensi Kecemasan dalam memberi perkhidmatan kepada orang awam. Sistem MERS 999 yang dibangunkan telah membantu Agensi Kecemasan untuk menyalurkan maklumat kecemasan dengan lebih tepat dan pantas.

SOALAN NO: 22

Tempoh masa bantuan kecemasan untuk sampai ke lokasi kejadian adalah tertakluk kepada *Key Performance Index* (KPI) yang telah ditetapkan oleh Agensi Kecemasan masing-masing. Walau bagaimanapun terdapat faktor lain yang menyebabkan kelewatan pasukan penyelamat kecemasan (ambulans dan jentera bomba) untuk sampai ke lokasi kejadian, di antaranya adalah:

- i) maklumat kecemasan yang diberikan oleh pemanggil adalah tidak lengkap; dan
- ii) kesesakan lalulintas ke lokasi kejadian.

Kos pelaksanaan perluasan Projek MERS 999 bagi tahun 2011 dan 2012 adalah sebanyak RM260 juta yang merangkumi perkakasan, perisian, rangkaian (*connectivity*) dan penyelenggaraan pusat panggilan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM] : 20
TARIKH Mac 2012

SOALAN : TUAN LIANG TECK MENG minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bagaimanakah Kementerian menentukan agihan kuota beras subsidi ST15 kepada pemborong yang layak. Bilakah Kementerian akan melaksanakan skim SUBUR untuk menggantikan skim beras subsidi ST15 ini.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

INPUT JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Subsidi Harga Beras dilaksanakan bagi membolehkan beras Super Tempatan 15% (ST15) atau Beras Nasional dikeluarkan dan dijual pada harga yang lebih murah bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah mendapatkan bekalan beras bagi keperluan harian.

Kuota yang telah ditetapkan bagi beras subsidi adalah sebanyak 40.000MT sebulan beras Super Tempatan 15% bagi Semenanjung Malaysia dan beras Super 15% sebanyak 16,000MT bagi Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung Malaysia, beras ini akan dikeluarkan oleh BERNAS dan Kilang Skim Pusat Belian (SPB) / Skim Upah Kisar (SUK) dan diedarkan oleh 337 pemborong. Manakala, bagi Negeri Sabah dan

SOALAN NO:

Sarawak pula beras adalah dibekalkan oleh BERNAS sahaja dan diedarkan oleh 239 pemborong.

Kesemua pemborong yang dilantik ini adalah berdasarkan kepada perakuan oleh Pejabat Kawalselia Padi dan Beras Negeri.

Pembahagian kuota di kalangan pemborong-pemborong adalah berasas seperti berikut:

- (i) Jumlah keperluan beras bagi satu-satu Negeri berdasarkan beberapa kriteria antaranya jumlah penduduk terutamanya penduduk miskin dan permintaan daripada pemborong-pemborong yang aktif serta mempunyai rangkaian agihan wakil peruncit yang luas (berdasarkan bukti inbois jualan). Oleh itu, yang aktif diberi peruntukan yang lebih berbanding pemborong kecil yang tidak aktif.**
- (ii) Prestasi jualan pemborong-pemborong dan kemudahan serta kapasiti mesin pengampitan pemborong.**

Jumlah pemborong yang diagihkan Kuota Beras ST15% mengikut Negeri adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	JUMLAH PEMBORONG	KUOTA (MT)
1.	Perlis	7	720
2.	Kedah	35	7,389
3.	Pulau Pinang	25	1,970
4.	Perak	19	2,710
5.	Selangor	52	8,490
6.	Kuala Lumpur	8	800
7.	Negeri Sembilan	13	1,510
8.	Melaka	15	1,980
9.	Johor	37	5,060
10.	Kelantan	94	5,850
11.	Terangganu	21	2,015
12.	Pahang	11	1,480
Jumlah	h Keseluruhan (Kuota 40.000MT)	337	39,974
13.	Sabah	117	8,425
14.	Sarawak	122	7,559
Jumlah	h Keseluruhan (Kuota 16,000MT)	239	15,984

Secara asasnya, bekalan beras ST15% yang dikeluarkan sebanyak 40.000MT dan sebanyak 16,000MT bagi Sabah dan Sarawak sebulan adalah mencukupi bagi menampung keperluan golongan sasaran iaitu golongan berpendapatan rendah.

Bagi pelaksanaan skim SUBUR, Kerajaan 18 Januari 2012 telah memutuskan agar pelaksanaan semula Program SUBUR ditangguhkan sehingga satu masa yang sesuai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH
SIM (SEPUTEH)**

PERTANYAAN

**LISA
N**

TARIKH

20.03.2012

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Dana MARRIS yang diperuntukkan kepada DBKL pada tahun 2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011. Sila nyatakan asas dan garis panduan Kementerian dalam pemberian dana MARRIS kepada Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah disediakan berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan khusus untuk membantu Kerajaan Negeri menyelenggara jalan-jalan negeri.

2. Asas pengiraan bagi pemberian tersebut adalah sebagaimana yang diperuntukkan di Bahagian 2 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Majlis Kewangan Negara berdasarkan kepada keperluan semasa akan menyemak asas pengiraan-pengiraan tersebut, yang mana asas pengiraan yang digunapakai ketika ini adalah berdasarkan persetujuan Mesyuarat Majlis

Kewangan Negara Tahun 1989, yang mengambilkira perkara-perkara seperti berikut:

- a) Panjang dan lebar jalan;
- b) Kekekapan aktiviti penyelenggaraan;
- c) Kos bahan semasa;
- d) Kos sewaan loji semasa;
- e) Indeks harga pengguna;
- f) Jumlah pembakaran minyak bagi loji-loji;
- g) Jumlah pekerja dan kadar gaji pekerja; dan
- h) Jenis permukaan jalan.

Tiga (3) jenis jalan yang layak menerima pemberian ini adalah seperti berikut:

- a) Jalan yang mencapai mutu minimum;
- b) Jalan substandard iaitu jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang, jalan kampung dan jalan pertanian; dan
- c) Jalan sehala di pulau destinasi pelancongan.

3. Pemberian ini disalurkan terus oleh Kementerian Kewangan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri berdasarkan jumlah yang diperakukan oleh Jabatan Kerja Raya Persekutuan bagi jalan-jalan yang berdaftar di dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia dengan izin "*Malaysian Road Record Information System*" atau ringkasnya MARRIS.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Mengikut peruntukan fasal (1) Perkara 154 Perlembagaan Persekutuan dan subseksyen 3(1) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 (Akta 190), Kuala Lumpur hendaklah menjadi ibu kota Persekutuan. Dengan demikian, pentadbiran Kuala Lumpur adalah di bawah Kerajaan Persekutuan sebagai sebuah kerajaan tempatan yang ditadbir oleh Dato Bandar. Berhubung pemberian penyenggaraan jalan, Majlis Kewangan Negara dalam tahun 1968 telah meluluskan pemberian penyenggaraan jalan raya Bandaraya Kuala Lumpur. Pemberian penyenggaraan jalan ini adalah melalui peruntukan belanja mengurus yang diluluskan oleh Parlimen melalui Akta Perbekalan. Pemberian penyenggaraan jalan ini berterusan hingga kini. Memandangkan kini Kuala Lumpur adalah Wilayah Persekutuan dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), penyaluran pemberian penyenggaraan jalan adalah diberikan kepada DBKL melalui KWPKB.

5. Penyaluran peruntukan tersebut juga adalah menggunakan sistem MARRIS seperti mana yang dilaksanakan oleh Negeri-Negeri.

6. Jumlah peruntukan bagi penyelenggaraan jalan raya yang disediakan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2007 hingga 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
Jumlah (RM juta)	29.00	30.00	28.60	30.00	19.50

- b) Masalah pengambilan tapak tambahan untuk projek ini melibatkan tanah milik persendirian yang mengandungi tanaman dan buah-buahan yang masih dalam proses penilaian pampasan oleh pihak Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah.
- c) Akses jalan masuk yang sempit, cerun dan sukar dimasuki oleh lori besar untuk membawa material ke kawasan tapak terutama pada musim hujan.

Manakala projek cadangan membina dan menyiapkan Bangunan SMK Bundu Tuhan, Ranau yang mengandungi 18 bilik darjah, asrama dan lain-lain kemudahan merupakan projek gantian penuh di bawah pelaksanaan KPM. Projek ini dimulakan pada 5 Jun 2009 dan sepatutnya siap pada 10 November Mei 2011 dengan kos RM35.7 juta. Dari segi kemajuan projek sehingga 29 Februari 2012, projek ini mencapai 95.04 peratus berbanding kemajuan mengikut jadual adalah 100 peratus. Oleh yang demikian, projek ini mengalami kelewatan -4.95 peratus. Baki kerja adalah kerja-kerja infra seperti jalan raya, perparitan dan perpaipan.

Sementara itu, pembekalan air masih dalam tindakan Jabatan Air Sabah (SESB) dan pembinaan talian grid ke kawasan sekolah juga masih dalam tindakan pihak yang berkenaan. Permohonan *extension of time* (EOT) akan dikemukakan untuk kelulusan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD. ABDUL WAHID ENDUT
[KUALA TERENGGANU]

TARIKH : 20 MAC 2012

SOALAN

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada kajian alam sekitar EIA (*Environmental Impact Assessment*) dibuat terhadap projek ternakan udang i-SHARP oleh Syarikat Blue Archipelago di Setiu Terengganu yang menyebabkan dua kali berlaku banjir luar biasa di kawasan tersebut musim tengkujuh yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA - *Environmental Impact Assessment*) bagi projek ternakan udang i-SHARP oleh Syarikat Blue Archipelago di Setiu Terengganu telah disediakan melalui prosedur EIA Terperinci yang melibatkan pameran dan ulasan awam. Laporan EIA Terperinci projek tersebut telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 3 September 2009 setelah ianya memenuhi kehendak Seksyen 34(A)2 Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Cadangan projek ini telah ditandakan di bawah Pelan Struktur - Daerah Setiu (2003-2015) sebagai pembangunan pertanian- akuakultur dan telah dikenalpasti sebagai kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Tapak cadangan projek ini terletak di dalam kawasan yang diwartakan sebagai kegunaan pertanian dengan keutamaan untuk penternakan udang oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu (MMKN).

Berdasarkan rekod, kawasan ini merupakan kawasan mudah banjir (flood-prone area) pada musim tengkujuh setiap tahun. Apabila sebahagian kawasan ini dibangunkan untuk ternakan udang, pendedahan terhadap ancaman banjir diakui akan meningkat. Walaubagaimana pun kajian menunjukkan ianya adalah minima.

Sungguh pun demikian, memandangkan kejadian banjir di kawasan tersebut sering berlaku, Kerajaan akan melihat secara keseluruhan aspek perancangan dan pembangunan kawasan tersebut serta mengambilkira langkah-langkah kawalan yang berkesan untuk memastikan kejadian dan kesan banjir dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

LISAN

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

[TENGGERA]

20.03,2012 (SELASA)

DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGERA] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah penggunaan gula bagi tahun 2011 dan nyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan harga gula di pasaran terus kekal RM2.30 sekilogram.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah penggunaan gula pada tahun 2011 adalah sebanyak 1.0 juta metrik tan dengan jumlah tanggungan subsidi bagi penggunaan pada 2011 adalah sebanyak RM262.41 juta selepas pelarasan harga gula dibuat dengan menaikkan harga gula sebanyak 20 sen sekilogram berkuatkuasa 10 Mei 2011.

Antara langkah Kerajaan adalah melalui pemberian subsidi bagi mengekalkan harga runcit gula di pasaran pada RM2.30 sekilogram dan menandatangani Kontrak Jangka Panjang (LTC) bertujuan untuk:

- i. Menjamin bekalan gula bertapis yang berterusan untuk memenuhi keperluan Negara memandangkan bekalan gula mentah banyak dipengaruhi oleh keadaan cuaca;
- ii. Memudahkan Kerajaan melaksanakan kawalan harga keatas gula bertapis; dan
- iii. Harga gula mentah di bawah LTC adalah stabil dan berpotensi untuk menyumbang kepada harga gula bertapis yang kompetitif untuk dinikmati oleh rakyat dan industri.

Walaupun begitu, dalam mengekalkan subsidi, beberapa kriteria perlu diambil kira sebagaimana aspek-aspek berikut:

- (i) Implikasi tanggungan bebanan kewangan kepada Kerajaan;
- (ii) Implikasi terhadap rakyat dan perkembangan industri tempatan;
- (iii) Jurang perbezaan harga gula di Malaysia berbanding negara-negara jiran; dan
- (iv) Harga komoditi/ bahan mentah di pasaran dunia.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN TAN KOK WAI

(CHERAS)

TARIKH

20.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang disediakan bagi setiap aliran Sekolah Kebangsaan, SRJK Cina dan Tamil sepanjang tahun 2011 dan jumlah bilangan dan peruntukan setiap aliran sekolah rendah setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan memastikan agar kemudahan pendidikan disediakan kepada semua murid tanpa mengira kaum dan agama di negara ini. Sehubungan itu, KPM sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan pendidikan dalam memastikan pembangunan modal insan lebih berkesan tanpa mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana jenis sekolah yang terdapat dalam sistem pendidikan kebangsaan termasuklah sekolah bantuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2011 sahaja KPM telah diperuntukan sebanyak RM1.23 billion untuk pelaksanaan 858 projek. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM1.126 billion diperuntukan kepada sekolah kebangsaan, RM60.598 juta untuk SJKC dan RM43.179 juta untuk SJKT. Manakala bagi tahun 2012, sebanyak RM518.289 juta diperuntukan kepada sekolah kebangsaan dan sehingga Mac 2012 sebanyak RM9.33 juta telah disalurkan kepada SJKC dan RM4.038 kepada SJKT.

Rjm 26

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH

LISAN
DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]
: 20.03.2012 (SELASA)

DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah premis

NO. SOALAN : 30

makanan yang menyertai Program Menu Rakyat 1 Malaysia (MR1M) setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2012, Kerajaan mensasarkan sebanyak 3000 premis makanan menyertai MR1M. Sehingga 2 Mac 2012, sebanyak 1417 premis makanan, termasuk 91 premis makanan di 44 buah IPT telah menyertai program ini di seluruh negara.

Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	UMUM	IPT	JUMLAH
1	PERAK	205	5	210
2	TERENGGANU	122	17	139
3	SELANGOR	149	3	152
4	PAHANG	161	4	165
5	KEDAH	148	1	149
6	MELAKA	66	19	85
7	WP KUALA LUMPUR	113	2	115
8	JOHOR	63	0	63
9	PULAU PINANG	84	10	94
10	SARAWAK	53	23	76
11	KELANTAN	57	0	57
12	NEGERI SEMBILAN	38	0	38
13	PERLIS	23	1	24
14	SABAH	132	2	134
15	MP LASUAN	10	4	14
16	WP PUTRAJAYA	2	0	2
JUMLAH		1326	91	1417

**PEMBER1TAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

TARIKH

20.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan dalam pengajaran Bahasa Cina yang dihantar ke SJKC dari tahun 2005 ke 2012 berdasarkan pecahan mengikut negeri. Senaraikan jumlah mesyuarat di antara Kementerian dengan Dong Jiao Zong dari 2005 ke 2012 mengenai isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan berusaha untuk memberi yang terbaik kepada masyarakat khususnya dalam sistem pendidikan. Begitu juga dengan bekalan guru-guru sekolah, KPM sentiasa memantau agar bekalan guru mencukupi dan memenuhi unjuran keperluan murid. Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa KPM menghantar guru-guru ke SJKC adalah berdasarkan keperluan opsyen. Guru-guru yang mempunyai opsyen Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang tidak tahu berbahasa Mandarin dihantar ke SJKC gred A dan B untuk mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Selain itu, guru yang beropsyen Pengajian Agama Islam dihantar ke SJKC bagi mata pelajaran yang hanya boleh diajar oleh guru beropsyen Pengajian Agama Islam. Mana-mana guru yang mendapat kredit bahasa Mandarin di peringkat SPM juga dihantar ke SJKC bagi mengajar mata pelajaran yang menggunakan bahasa ibunda (Mandarin).

Merujuk kepada statistik kedudukan guru pada 31 Januari 2012, didapati keperluan guru opsyen Pengajian Cina di sekolah rendah hanya 7,744 manakala pengisian yang telah dibuat ialah seramai 19,282 orang. Ini bermakna terdapat lebih guru yang beropsyen Pengajian Cina di sekolah rendah seluruh negara seramai 11,538 orang. Walau bagaimanapun, guru-guru yang memiliki opsyen tersebut bukan hanya mengajar Bahasa Cina tetapi mengajar subjek-subjek lain. Sebenarnya KPM tidak menghadapi masalah kekurangan guru di sekolah rendah, kecuali untuk subjek tertentu sahaja di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Antara punca berlakunya kekurangan guru di SJJC adalah faktor kekurangan bekalan berkelayakan dalam bahasa Mandarin untuk mengajar di SJJC. Bagi menangani isu kekurangan guru di SJJC, KPM telah melaksanakan beberapa langkah iaitu:

- i) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Kekurangan Guru di SJJC. Sehingga kini sebanyak dua (2) mesyuarat telah diadakan untuk mendapatkan satu penyelesaian yang terbaik dalam waktu terdekat.
- ii) Mencadangkan Penempatan Semula (*Redeployment*) guru Bahasa Malaysia dari SK ke SJJC Gred A dan B sahaja untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia di Tahun 3 hingga Tahun 6.
- iii) Mencadangkan supaya guru opsyen Pengajian Cina di SJJC yang telah lama mengajar mata pelajaran lain lebih dari lima (5) tahun (contohnya Matematik dan Sains) diberikan latihan tambah opsyen melalui Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO).
- iv) Melulus sejumlah 4,407 jawatan di sekolah menengah untuk diisi secara sementara oleh calon guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan tetapi belum dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sebagai guru interim sehingga 15 April 2012.

- v) Melulus sejumlah 1,848 jawatan di SJKC dan 128 jawatan di SJKT untuk diisi secara sementara oleh guru interim sehingga bekalan guru tetap dapat dibekalkan oleh SPP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesyuarat bersama Persatuan Dong Jiao Zong yang terkini telah dilaksanakan pada 8 Mac 2012 yang lalu.

Rjm 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI)

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pemuda-pemudi yang melarikan diri dari rumah terutamanya remaja

wanita.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius akan masalah pemuda-pemudi yang melarikan diri dari rumah, khususnya dalam kalangan golongan remaja wanita.

Kajian Profil dan Faktor Kanak-kanak dan Remaja Lari Dari Rumah yang dijalankan oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) pada tahun 2010 mendapati 3 sebab utama kanak-kanak dan remaja lari dari rumah adalah disebabkan oleh faktor tekanan (48.8%), mengikut rakan (27.7%) dan ingin hidup bebas (14.5%).

Justeru, bagi memastikan kes-kes ini ditangani dengan lebih proaktif, KPWKM menggunakan pendekatan bahawa **kemahiran keibubapaan** amat penting dan perlu diberi perhatian dalam menangani karenah anak-anak remaja. Dalam hal ini, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan pelbagai program bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan

jati diri para remaja sebagai persediaan bagi mengharungi cabaran sosial semasa yang

semakin kompleks. Antara program yang dilaksanakan ialah:

(a) Pusat Remaja Kafe@TEEN

Penyediaan khidmat sokongan untuk remaja yang menghadapi masalah dan memerlukan bantuan menerusi Pusat Remaja kafe@TEEN. Sebanyak 6 pusat remaja kafe@TEEN iaitu di Ibu Pejabat LPPKN (Kuala Lumpur), Bertam (Pulau Pinang), Jalan Burmah (Pulau Pinang), Lembah Pantai (Kuala Lumpur), Seremban 2 (Negeri Sembilan) dan Kota Bharu (Kelantan) telah diwujudkan. Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup. Program "*outreach*" kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini telah

berjaya mendekati seramai 278,556 orang remaja melalui 4,886 program/aktiviti dari bulan November 2005 hingga bulan Disember 2011.

(b) **Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS)**

KPWKM menerusi LPPKN telah menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Modul ini menekankan aspek menghindari situasi berisiko tinggi, kemahiran dan teknik penanguhan serta kemahiran penolakan kepada pelatih. Langkah ini turut merupakan pendedahan awal dalam menangani permasalahan remaja lari dari rumah. Pada tahun 2011, seramai 51,928 orang pelatih PLKN di 85 kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. Bagi tahun 2012, lebih kurang 100,000 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan.

(c) **Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*)**

Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) khusus untuk ibu

bapa bekerja di sektor awam atau swasta telah diperkenalkan sejak tahun 2007 bagi membantu ibu bapa bekerja mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga (*work life balance*). Antara aspek yang diliputi adalah cara gaya keibubapaan kreatif, pengurusan konflik khususnya masalah *interpersonal* yang mana diharap dapat meningkatkan kemahiran keibubapaan dalam mengendalikan anak remaja. Sejak tahun 2007 hingga bulan Disember 2011, sejumlah 459 program telah dilaksanakan oleh LPPKN di pejabat Kerajaan, sektor swasta dan NGO, melibatkan penyertaan 19,856 orang ibu bapa.

(d) **Siri Kursus 'Ilmu Keluarga@LPPKN'**

Siri kursus ini diadakan setiap bulan di setiap negeri untuk memantapkan kemahiran ibu bapa dalam mendidik anak remaja dan seterusnya mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Sejak tahun 2006 hingga bulan Disember 2011, sejumlah 6,753 kursus telah diadakan di seluruh negara, melibatkan penyertaan seramai 728,675 orang peserta. Pelaksanaan kursus ini berasaskan kepada Pakej Modul KASIH yang mengandungi tiga aspek keibubapaan

iaitu:

- keibubapaan anak kecil;
- * keibubapaan anak remaja; dan
- kebapaan (*fatherhood*);

(e) Bagi tahun 2012, tindakan yang akan diambil adalah seperti berikut:

i) meluaskan Program Pencegahan Jenayah *SEKATA*

(Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita), di mana kursus keibubapaan anak remaja dan pendidikan kesihatan reproduktif remaja kepada komuniti setempat dilaksanakan dengan kerjasama NGO sebagai salah satu usaha untuk mencegah masalah sosial termasuk remaja lari dari rumah. Program kerjasama ini akan menggembleng dan menggerakkan peranan ahli keluarga dan komuniti menerusi 150 NGO untuk melaksanakan lebih 500 program dalam komuniti setempat bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan untuk membantu menangani permasalahan sosial dalam masyarakat.

ii) menjalankan Latihan Kejurulatihan (TOT) kepada guru-guru dan

kaunselor sekolah untuk pelaksanaan Pendidikan Kesehatan Reproduksi dan Sosial (PKRS) kepada murid Tahun 6 dan Tingkatan 3 termasuk sebuah sekolah pendidikan khas, secara rintis.

PEMBER1TAHU

AN

PERTANYAAN

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**DEWAN
RAKYAT**

JAWAB LISAN

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

TARIKH

20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

NO. 32

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk meningkatkan lagi mutu dan kualiti graduan dari Universiti Malaya agar setanding dengan graduan universiti terkemuka dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menggubal dan melaksanakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang merupakan satu plan yang komprehensif meliputi pelbagai aspek termasuk usaha meningkatkan kualiti graduan di semua IPT tempatan yang juga melibatkan Universiti Malaya (UM). Pelan tersebut mengandungi 7 Teras dan 23 Projek Agenda Kritikal (*Critical Agenda Project, CAPs*).

Teras 2, PSPTN iaitu “Menambah Baik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran” menetapkan bahawa semakan kurikulum IPT sentiasa

dibuat agar kurikulum yang disediakan berkualiti tinggi dan dapat memenuhi aspirasi negara. Semakan dibuat dengan mengambil kira pandangan ahli-ahli akademik, pakar dari industri dan pihak swasta, pegawai kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) pada setiap dua hingga tiga tahun berdasarkan keperluan bidang pengajian. Bagi memastikan bidang pengajian mempunyai pengiktirafan antarabangsa, *benchmarking* dengan bidang yang sama di universiti terkemuka dunia juga dilaksanakan.

Sebagai usaha tambahan untuk mewujudkan pengajian tinggi yang berkualiti, kerajaan telah melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework*, MQF) pada akhir tahun 2007. Selaras dengan peranannya sebagai tempat rujukan kualiti pengajian tinggi, MQF memberikan penekanan kepada pendidikan berlandaskan hasil pembelajaran.

Di samping itu, bagi meningkatkan pembangunan kemahiran insaniah atau *soft skills* pelajar, Kementerian telah memperkenalkan Modul Kemahiran Insaniah yang merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kerja berkumpulan. Terdapat tujuh (7) elemen utama yang diterapkan ialah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika professional dan kemahiran kepimpinan. Kementerian juga telah membangunkan Instrumen My3S

PEMBERITAHU

untuk mengukur tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar.

PERTANYAAN

DEWAN

RAKYAT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB. DATO¹ SERI ZAHRAIN BIN
MOHAMED HASHIM
KAWASAN BAYAN BARU 20 MAC 2012
TARIKH (SELASA)

SOALAN:

YB. DATO' SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED HASHIM (BAYAN BARU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah bebanan kepada Kerajaan Persekutuan jika tol di jalan Sungai Nyiur, Butterworth dihapuskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Perjanjian Konsesi Lebu Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) telah ditandatangani antara Kerajaan dengan syarikat Lingkaran Luar Butterworth Sdn. Bhd. untuk tempoh selama 30 tahun, iaitu sehingga tahun 2028. Terdapat 3 plaza tol telah dibina di lebu raya sepanjang 12.1 kilometer ini, iaitu di jalan Prai, Bagan Ajam dan Sungai Nyior. Kutipan tol dilaksanakan menerusi sistem kutipan tol terbuka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah anggaran keseluruhan pampasan yang perlu dijelaskan oleh Kerajaan jika berhasrat menghapuskan kutipan tol di Plaza Tol Sg. Nyior ialah sebanyak RM150 juta. Walau bagaimanapun jumlah sebenar adalah tertakluk kepada proses audit terperinci yang dilaksanakan oleh firma audit bebas yang dilantik oleh Kerajaan dan syarikat konsesi. Pada masa kini Kementerian Kerja Raya masih sedang mengkaji isu-isu berkaitan mekanisme penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang bagi semua lebu raya bertol di negara ini. Kajian ini akan mengambil kira impak pembangunan negara, keadilan sosial terutama kebajikan rakyat dan kemampuan keseluruhan kewangan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

**Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
(KANOWIT)**

TARIKH

20.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah di luar bandar Sarawak yang masih kekurangan rumah guru dan bilik darjah. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi keutamaan kepada sekolah ini supaya masalah guru dan murid di sekolah-sekolah ini dapat diatasi dengan secepat mungkin.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Hasrat kerajaan adalah untuk menyediakan peruntukan secukupnya bagi membiayai pembinaan dan menaik taraf semua jenis sekolah di seluruh negara. Agenda utama kerajaan ialah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

KPM juga sentiasa memberi perhatian dan keutamaan dalam mengatasi masalah kekurangan rumah guru dan bilik darjah di luar bandar. Walau

bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang diluluskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMKe-9 KPM telah melaksanakan 112 projek menaiktaraf rumah guru dan bilik darjah di luar bandar Sarawak. Sementara di bawah RMK10 sehingga Rolling Plan Ke-2, KPM telah menerima sebanyak 47 permohonan projek yang sama merangkumi pembinaan 20 unit bilik darjah dan 39 unit rumah guru. Pelaksanaan projek-projek ini akan dibuat berdasarkan jadual pelaksanaan yang telah dirancang.

Rjm 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan]**

TARIKH **20 Mac 2012 (Selasa)**

SOALAN **35**

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan dan destinasi laluan penerbangan antarabangsa MAS yang telah dan dijangka akan diberhentikan perkhidmatannya baru-baru ini. Sila nyatakan sebab serta jumlah kerugian yang terbabit dalam usaha menawarkan khidmat penerbangan yang berkenaan dalam

tempoh kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, MAS telah memberhentikan sebanyak 46 penerbangan seminggu ke 12 destinasi antarabangsa. Kekerapan dan destinasi-destinasi antarabangsa tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Laluan	Tarikh Efektif Pemberhentian Penerbangan	Kekerapan Seminggu
i.	Kota Kinabalu-Osaka	6 Jan 2012	6
	Kota Kinabalu-Seoul	21 Feb 2012	4
iii.	Kota Kinabalu-Haneda (Tokyo)	1 Feb 2012	4
iv.	Kota Kinabalu-Perth	30 Jan 2012	3
v.	Singapore-Penang-Langkawi	30 Jan 2012	7
vi.	Kuala Lumpur-Surabaya	6 Jan 2012	7
vii.	Kuala Lumpur-Dubai	10 Jan 2012	3
viii.	Kuala Lumpur-Dubai-Dammam	13 Jan 2012	2
ix.	Kuala Lumpur-Karachi-Dubai	12 Jan 2012	2
x.	Kuala Lumpur-Capetown-Buenos Aires	1 Feb 2012	2
xi.	Kuala Lumpur-Johannesburg	31 Jan 2012	3
xii.	Kuala Lumpur-Rome	2 Feb 2012	3
		Jumlah	46

Penamatan perkhidmatan MAS ke destinasi-destinasi ini adalah kerana syarikat tersebut telah mencatat kerugian yang tinggi. Jumlah kerugian

yang telah terbabit adalah sebanyak RM340.1 juta.

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN

IR HAJI HAMIM BIN SAMURI

TARIKH

20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

IR HAJI HAMIM BIN SAMURI ^{NO 36} [**Ledang**] minta **MENTERI
PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kesan / peluang pelajar daripada luar bandar tentang langkah Universiti Malaya (UM) yang akan memperketat syarat kemasukan pelajar baru bermula sesi pengambilan September ini, seperti kata Naib Canselornya, Tan Sri Dr. Ghauth Jasmon di mana bagi kursus kritikal seperti perubatan, pergigian dan sebagainya, UM menetapkan pelajar lepasan Matrikulasi atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) perlu memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) maksimum 4.00 manakala bagi bidang sastera perlu memperoleh keputusan 3.50 yang dibuat berdasarkan penganugerahan status autonomi yang diberikan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, dasar pengambilan pelajar ke IPTA termasuk Universiti Malaya (UM) dilaksanakan berasaskan prinsip meritokrasi.

Dasar ini menguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah

kokurikulum. Pemilihan pelajar berdasarkan meritokrasi adalah mengambil kira susunan merit, pilihan program pengajian, pilihan IPTA dan bilangan tempat yang disediakan.

Pemprosesan kemasukan pelajar oleh lima Universiti Penyelidikan (RU) iaitu UM, UKM, UPM, UTM termasuk USM (bagi program pendidikan sahaja) masih dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun, mulai Sesi Akademik 2012/2013, universiti penyelidikan tersebut diberi autonomi dalam aspek pemilihan pelajar.

Kementerian berpandangan bahawa semua pemohon mempunyai peluang pendidikan tinggi yang sama dan adil dalam pelaksanaan meritokrasi. Pemohon yang layak dan memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan akan diberi tempat ke IPTA yang bersesuaian.

Soalan No: 37

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB DAT O' SHAMSUL ANUAR

BIN

- (b) apakah Kementerian merancang untuk menghapuskan hutang pembangunan bagi peserta rancangan tanah FELCRA di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA Berhad ditubuhkan dengan fungsi utama sebagai agensi penyatuan dan pemulihan (P&P) tanah-tanah terbiar. Sehingga kini FELCRA Berhad telah berjaya memajukan seluas lebih daripada 249 ribu hektar tanah di seluruh negara yang dapat memberi manfaat kepada kira-kira 98 ribu orang peserta. Hasil daripada program pembangunan P&P ini juga, FELCRA Berhad telah berjaya mengagihkan dividen kepada peserta- pesertanya sejumlah RM4.91 billion iaitu RM468.5 juta sebelum FELCRA dikorporatkan dan RM4,441 juta selepas ianya dikorporatkan.

Selain daripada tanah terbiar, FELCRA Berhad juga turut memajukan tanah-tanah Kerajaan di mana peserta-pesertanya dipilih dari golongan miskin tegar selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Menerusi kaedah ini setiap peserta berpeluang untuk memiliki pegangan tanah di antara 3 hingga 8 ekar.

Berbeza dengan FELDA yang tidak memajukan tanah terbiar, FELCRA Berhad adalah satu-satunya Agensi Kerajaan yang memajukan tanah terbiar yang berkeadaan kurang sesuai dan kurang subur, namun atas faktor tanggungjawab sosial FELCRA Berhad akan terus melaksanakan komitmen ini demi rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA Berhad juga sedang merancang untuk membangunkan tanah ladang di luar negara bagi menampung pembiayaan syarikat yang kian berkembang dan usaha gigih ke arah merealisasikan hasrat ini sedang dilaksanakan.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk menghapuskan hutang

pembangunan di rancangan tanah FELCRA Berhad di seluruh negara. Setiap kos pembangunan projek adalah berbentuk hutang jangka panjang dan perbelanjaan pembangunan tanah bagi setiap projek dibiayai melalui pembiayaan pinjaman Kerajaan, peruntukan geran Kerajaan dan pembiayaan sumber dalaman FELCRA Berhad.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GOB1ND SINGH DEO [PUCHONG] : 20 MAC
TARSKH 2012
SOALAN

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk menyiasat dan mengumpul kembali wang-wang yang diberikan kepada NFC dan tindakan yang akan diambil terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab sekiranya wujud unsur jenayah atau liability sivil dalam tindakan mereka dalam menyelenggarakan wang-wang tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRS BIN ABDUL
AZSZ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERS

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan siasatan ke atas isu rasuah dan salah guna kuasa dalam kes NFC mengikut peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Hasil siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk keputusan dan tindakan selanjutnya apabila siasatan di peringkat SPRM telah selesai.

Namun begitu, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, hasil dan butir-butir lanjut mengenai siasatan tidak boleh didedahkan sebagaimana Seksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO¹ HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENNA] TARIKH :
20 MAC 2012

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang pelaksanaan projek lebuh raya pantai barat:-

- (a) kenapa berlaku peningkatan dari kos asal RM 3.1 bilion kepada RM 7.1 bilion; dan
- (b) kenapa berlaku perubahan tempoh konsesi dari 33 tahun kepada 60 tahun.

JAWAPAN

Kerajaan berpandangan bahawa soalan berkaitan kos, tempoh konsesi dan terma-terma perjanjian wajar dijawab setelah perjanjian konsesi berhubung pelaksanaan projek ini ditandatangani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO¹ SERIIR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2012

Y.B. DATO¹ SERI IR. MOHD ZIN BINMOHAMED [SEPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mewujudkan Jawatankuasa Khas bagi memantau urus tadbir setiap kali penstrukturan organisasi syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi mengelak kerugian syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semua syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) terbesar yang diletakkan di bawah Program Transformasi GLC (Program GLCT) merupakan syarikat-syarikat awam yang tersenarai. Kerajaan, melalui syarikat-syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) sebagai pemegang saham terbesar GLC, sememangnya memantau serta menyelia operasi dan inisiatif GLC termasuk sebarang aktiviti penstrukturan atau transformasi melalui perwakilan yang dilantik masing-masing dalam Lembaga Pengarah GLC-GLC berkenaan. Sehubungan itu, tiada keperluan untuk mewujudkan Jawatankuasa Khas bagi memantau tadbir urus syarikat termasuk dalam penstrukturan organisasi syarikat memandangkan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urus tadbir syarikat. Di samping itu, amalan ini adalah selaras dengan amalan baik tadbir urus korporat dan tadbir urus Lembaga Pengarah.

2. Lembaga Pengarah GLC terdiri daripada Pengarah Bukan Bebas yang mewakili GLIC dan Kerajaan serta Pengarah Bebas bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat di peringkat Lembaga Pengarah memelihara kepentingan syarikat, pemegang sahamnya serta orang ramai, secara amnya.

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO.42

DARIPADA DATO' SERI TIONG KING SING
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
[BINTULU]

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta PERDANA MENTERI

menyatakan:-

- (a) Berapakah peratusan bandingan bas sekolah yang usia kenderaannya di bawah 30 tahun dan melebihi 30 tahun dalam negara ini; dan
- (b) Apakah pandangan dan tindakan pihak Kementerian dalam memberi kelulusan pembaharuan lesen baru terhadap kenderaan yang telah mendapat kelulusan daripada PUSPAKOM namun usianya lebih daripada 30 tahun.

SOALAN NO.41

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN

PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 Mac 2012, jumlah bas sekolah yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) di seluruh Semenanjung Malaysia berjumlah 15,248 lesen. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12 peratus atau 1,784 lesen merupakan bas sekolah yang berusia melebihi 30 tahun.

S.P.A.D telah menetapkan apabila bas telah mencapai had usia 30 tahun, semua pengusaha diwajibkan untuk membuat gantian kenderaan. Bagi tujuan untuk tidak membebankan pengusaha bas sekolah, dasar semasa S.P.A.D membenarkan supaya kenderaan terpakai yang berusia tidak lebih daripada 20 tahun, dilesenkan sebagai bas sekolah sehingga genap usianya 30 tahun. Oleh yang demikian, para pengusaha bas sekolah pada hakikatnya mempunyai alternatif sekiranya mereka tidak berkemampuan

SOALAN NO.41

membeli kenderaan baru.

Dalam pada itu, S.P.A.D turut memberi kelulusan pembaharuan lesen selama satu (1) tahun lagi kepada pemilik-pemilik bas yang berusia melebihi 30 tahun, yang mana lesen bas sekolah mereka akan tamat tempoh pada tahun 2011. Keputusan yang dicapai ini dapat memberi lebih masa kepada penqusaha untuk mendapatkan kenderaan qantian. Dalam tempoh laniutan tersebut. penqusaha dikehendaki membuat qantian kenderaan. Walau baqaimanapun, sekiranya kenderaan gagal disiapkan sebelum tamat tempoh berkuatkuasa lessen, tambahan satu (1) tahun lagi akan diberikan kepada pengusaha.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

[TELOK INTAN]

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan kesesakan kenderaan dan peningkatan penggunaan pengangkutan awam begitu ketara di kawasan Parlimen Teluk Intan, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengembalikan perkhidmatan keretapi di kawasan Parlimen Teluk Intan.

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN N0.43**JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) memperuntukkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk membangunkan rancangan induk pengangkutan awam darat di peringkat negara dan juga wilayah dengan visi untuk menjadikan pengangkutan awam darat sebagai mod pilihan rakyat, serta disokong dengan misi untuk membangunkan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang selamat, boleh diharap, efisien, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, mampu dibayar dan mampan untuk meningkatkan pembangunan sosio ekonomi dan kualiti hidup

Apabila setiap rancangan induk ini dilaksanakan kelak, kesemua mod pengangkutan awam termasuk rel, bas dan teksi akan dikaji bagi mencadangkan strategi-strategi yang akan mempertingkatkan kualiti dan aksesibiliti penyediaan kemudahan pengangkutan awam dan

SOALAN N0.42

seterusnya melonjakkan penggunaannya disamping meminimalkan kebergantungan kepada pengangkutan persendirian.

Sehubungan dengan itu, Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat bagi wilayah yang melibatkan Negeri Perak serta kawasan Teluk Intan khususnya, apabila dijalankan kelak akan mengkaji kesemua mod pengangkutan awam termasuk potensi untuk mengembalikan perkhidmatan rel di kawasan tersebut berpandukan analisa tahap permintaan pengguna. "*Passenger Per Hour Per Direction*", jarak koridor, tahap aksesibiliti penawaran serta aspek-aspek teknikal lain.

Sekiranya kajian mendapati kawasan Teluk Intan memenuhi semua keperluan untuk kemudahan rel, maka pembangunan semula perkhidmatan rel akan menjadi salah satu strategi pembangunan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat bagi wilayah tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)
: LISAN

PERTANYAAN : 20.03.2012

TARIKH

Y.B. PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai dipertanggungjawabkan terhadap kegagalan mematuhi peraturan kewangan, pengurusan, perolehan harga tinggi, '*not value for money*' dan sasaran tidak tercapai yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara 2010. Nyatakan kes spesifik dan tindakannya, termasuk soal siasat oleh SPRM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun (LKAN) 2010, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan dan Setiausaha Kerajaan Negeri [**rujuk JPA.BK(R)174/2/9(44) bertarikh 22 November 2011**] supaya mengambil tindakan susulan terhadap setiap isu yang dilaporkan di dalam LKAN, mengambil tindakan terhadap pegawai yang didapati terlibat dan melaporkan kemajuan tindakan tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam secara berkala iaitu setiap 2 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, ada beberapa kes sedang disiasat oleh pihak berkaitan. Sehingga kini, tiada Menteri, Timbalan Menteri dan

pegawai yang dipertanggungjawabkan secara rasmi terhadap kegagalan mematuhi peraturan kewangan, pengurusan, perolehan harga tinggi, '*not value for money*'¹ dan sasaran tidak tercapai yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010.

NO. SOALAN:

44 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BI MAT ISA
[BACHOK]**

TARIKH 20 MAC 2012

SOALAN

**Y. B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] mlnta
PERDANA MENTERI menyatakan kenapakah sehingga hari ini
Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan
tnasih menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perbicaraan.**

JAWAPAN

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 memperuntukkan semua perbicaraan (melainkan keterangan yang diberi oleh saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan. Namun begitu, Mahkamah boleh di atas budi bicaranya setelah menimbangkan kepentingan keadilan membenarkan penggunaan sebahagian Bahasa Kebangsaan dan sebahagian lagi Bahasa Inggeris ketika perbicaraan samaada atas permohonan pihak-pihak atau dengan kehendak mahkamah sendiri.

Sekian, terima kasih.

Mr WfCAtf • *yr* NO
AUM

: 27

~~NO AUP :~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA DATO' LISAN ABDUL MANAN B. ISMAIL [PAYA
BESAR]

TARIKH 20 MAC 2012

RUJUKAN 4635

SOALAN :

Dato' Abdul Manan B. Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Akta DNA yang diwartakan pada tahun 2009 dilihat masih gagal dalam mendapatkan sampel DNA tertuduh walaupun terdapat peruntukan di dalam Akta tersebut supaya membenarkan sampel tertuduh untuk diambil bagi kelancaran prosiding perbicaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Paya Besar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Akta Identifikasi DNA yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 8 Julai 2009, telah pun diwartakan sebagai Akta Identifikasi DNA 2009 (Akta 699) pada 3 September 2009. Walau bagaimanapun, akta ini belum dikuatkuasakan kerana masih menunggu Peraturan Akta yang sekarang ini berada di peringkat akhir untuk kelulusan.

Beberapa siri mesyuarat di antara pihak Penasihat Undang - Undang Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia dan Polis Diraja Malaysia telah pun diadakan bagi membincangkan mengenai Peraturan Akta DNA ini.

Peraturan Akta DNA ini dalam proses semakan oleh Jabatan Peguam Negara dan dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen yang akan datang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 20 Mac 2012

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa tiada tender terbuka dalam pemilihan Syarikat Europlus sebagai pengusaha Lebuh raya Banting-Taiping sebanyak RM7.07 billion. Kenapa tempoh konsesi 60 tahun. Apakah jenis faedah yang diberikan iaitu bentuk pinjaman Kerajaan sebanyak RM2.24 billion, faedah konsesi dan geran untuk pengendalian tanah. Adakah konsesi merugikan 28 juta rakyat Malaysia demi kepentingan sebuah syarikat yang tiada track record dalam pembinaan lebuh raya.

JAWAPAN

Konsesi penswastan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari Taiping ke Banting ditawarkan kepada West Coast Expressways Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Konsortium LPB Sdn. Bhd.) iaitu syarikat yang sama yang telah menandatangani perjanjian konsesi penswastan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari Taiping ke Banting dengan pihak Kerajaan pada 25 Mei 2007. Dalam hunungan ini, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi peluang kepada West Coast Expressways Sdn. Bhd. kerana mengambil kira usaha-usaha dan perbelanjaan yang telah dibuat oleh pihak syarikat berhubung pelaksanaan projek ini

NO. SOALAN: 58

sebelum ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, IJM Corporation Berhad merupakan syarikat yang mempunyai kepentingan terbesar dalam syarikat konsesi ini. *Track record* IJM Corporation Berhad telah terbukti bukan sahaja dengan projek-projek dalam Negara tetapi juga projek-projek di luar Negara.

Kerajaan berpandangan bahawa soalan berkaitan kos, tempoh konsesi dan terma-terma perjanjian yang lain wajar dijawab setelah perjanjian konsesi berhubung pelaksanaan projek ini ditandatangani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. SITS MARSAH

BINTS MAHIVUD [KOTA RAJA]

TARIKH : 20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAW :

Dr. Siti Hariah Binti HahmtJd [Kota Raja] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang diambil pihak Kerajaan untuk membantu rakyat yang diisytihar bankrap apabila kebangkrapan mereka disebabkan oleh pihak lain (contoh-rumah terbengkalai).

Adakah Kerajaan bercadang mewujudkan polisi baru untuk membezakan kebangkrapan yang disebabkan oleh penganiayaan dan kezaliman (yang

bankrap adalah mangsa) daripada kebangkrapan yang disebabkan kecuaiian atau keengganan membayar hutang.

YB DATO⁸ SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

JAWAPAN: MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Kebankrapan 1967 (Akta 360) telah memperuntukkan mekanisma perlindungan kepada bankrap yang antara lain:

- (a) Perlindungan kepada penjamin sosial di mana tindakan kebangkrapan tidak boleh diambil terhadap mereka secara terus kecuali pemiutang dapat memuaskan pihak mahkamah bahawa segala usaha telah diambil. untuk menuntut balik hutang daripada penghutang utama;
- (b) Pelepasan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) di bawah Seksyen 33A di mana KPI mempunyai kuasa budi bicara untuk melepaskan seseorang daripada kebangkrapan apabila kes tersebut telah ditadbir lebih daripada 5 tahun. Dari tahun 2005 hingga Februari 2012, sebanyak 15,999 orang bankrap telah dilepaskan melalui Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi. Antara kes-kes yang diberikan pertimbangan untuk dilepaskan termasuklah kes bankrap yang menjadi mangsa penipuan (*fraud*) atau teraniaya yang dapat dibuktikan dengan laporan polis dan kebangkrapan yang disebabkan oleh perkara yang di luar kawalannya seperti kemelesetan ekonomi. Bagaimanapun, dalam membuat

pertimbangan ini kerjasama dan komitmen daripada bankrap untuk datang ke Md! adalah penting;

- (c) Bagi bankrap yang kurang dari 5 tahun, perintah kebankrapan tersebut boleh ditarik balik dan dibatalkan (*rescind and annulled*) oleh pihak mahkamah di bawah seksyen 105 sekiranya bankrap dapat membuktikan bahawa perintah kebankrapan tersebut tidak wajar dibuat atas faktor seperti kesilapan identiti, hutang telah dijelaskan sepenuhnya dan sekiranya bankrap dapat membuktikan kebankrapan tersebut disebabkan oleh penipuan atau penganiayaan; dan
- (d) Bagi bankrap yang menjadi mangsa disebabkan tanggungan hutang kepada pihak bank lanjutan daripada projek perumahan yang terbengkalai, bankrap boleh mencadangkan komposisi & perkiraan semula hutang selaras dengan seksyen 26 (*composition or scheme of arrangement after bankruptcy adjudication*) bersama pihak pemiutang tertakluk kepada persetujuan bersama. Sekiranya cadangan komposisi atau perkiraan semula hutang tersebut dibenarkan oleh mahkamah, perintah kebankrapan akan dibatalkan dan bankrap tersebut perlu mematuhi syarat-syarat pembayaran yang telah ditetapkan; dan
- (e) Kerajaan juga telah menubuhkan satu pasukan petugas khas bagi menangani masalah projek perumahan terbengkalai yang dibawah seliaan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan

(KPKT) dan mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Pasukan ini antara lain bertujuan untuk memantau atau mencari jalan penyelesaian bagi memulihkan projek perumahan yang terbengkalai. Mdl merupakan ahli aktif dalam mesyuarat tersebut terutama bagi projek terbengkalai yang melibatkan syarikat pemaju perumahan yang digulungkan. Bagi pihak pembeli yang menjadi mangsa pemaju yang digulungkan, Mdl telah menasihatkan mereka untuk memfailkan tuntutan kerugian berlandaskan syarat perjanjian jual beli terhadap syarikat tersebut melalui pemfailan bukti hutang. Bagaimanapun, bagi pembeli yang menjadi bankrap, Mdl akan mengurus dan memastikan mereka akan dapat dikeluarkan daripada kebangkrapan dengan kadar segera.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN:

48 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH
TIMUR]

TARIKH : 20 MAC 2011

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah dana awam yang telah dijanjikan untuk lebih 100 Entry Point Programs (EPP) yang diumumkan setakat ini, dengan menyenaraikan 10 EPP peringkat tertinggi dalam segi pembiayaan awam yang diterima dan bagaimanakah untuk memastikan pembiayaan awam ini tidak dibazirkan atau disalah guna.

JAWAPAN

Jika terdapat unsur pembiayaan dana awam, ia akan datang dalam bentuk facilitation fund bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk bantuan dalam pembinaan utiliti seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, elektrik dan lain lain. Jumlah pembiayaan awam yang diperlukan untuk utiliti tersebut merangkumi bahagian kecil jumlah pelaburan komited oleh pihak swasta untuk meneruskan projek. Pembiayaan awam di sini di bawah syarat yang tegas dan selepas penilaian yang menyeluruh oleh pakar-pakar industri di bawah UKAS.

Pendekatan yang dilaksanakan untuk ETP bagi permintaan pemangkin seperti utiliti oleh sektor swasta adalah dengan syarat bahawa

pemangkin tersebut terikat kepada pemacu ekonomi yang tertentu untuk memastikan impak yang maksimum bagi setiap projek dan mengurangkan sebarang pembaziran dari segi muatan yang tidak digunakan.

Adanya proses pemantauan berterusan bagi permohonan dan kelulusan pada setiap fasa dan peringkat bagi projek di bawah ETP. Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan bersama PEMANDU akan memastikan bahawa Kerajaan memainkan peranan pemudah cara bagi projek-projek ETP dan tidak berkompromi dengan mana-mana keperluan yang perlu dipatuhi oleh sektor swasta. PEMANDU tidak akan memberikan jaminan bagi projek-projek pihak swasta dan pihak swasta diharapkan untuk menyelesaikan masalah tersendiri. PEMANDU akan berfungsi sebagai pemudah cara untuk memastikan halangan-halangan seperti halangan birokrasi yang dikenalpasti akan disingkirkan.

No. Soalan : [49]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARI P ADA

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [
Marang]**

TARIKH

Selasa, 20 Mac 2012

SOALAN

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
rancangan masa hadapan pihak Kerajaan
Malaysia tentang hubungan diplomatik dengan
Iran setelah sekatan demi sekatan
dilaksanakan termasuk yang terbaru sekatan
mengimport petroleum dari Iran oleh negara-
negara anggota Kesatuan Eropah (EU).**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah lama menjalankan hubungan diplomatik dengan Iran dimana Malaysia telah membuka Kedutaan Besarnya di Tehran pada 1970. Manakala Kedutaan Besar Iran di Kuala Lumpur telah dibuka pada tahun 1981 yang juga merupakan Kedutaan pertamanya di luar negara selepas Revolusi Islam Iran pada tahun 1979. Malaysia dan Iran turut bergiat aktif dalam pertubuhan-pertubuhan dan forum-forum antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Kumpulan Lapan Negara- negara Membangun (D-8).

3. Di sini saya ingin menegaskan bahawa Malaysia sentiasa menganggap Iran sebagai sebuah negara rakan yang baik dan dasar luar Malaysia terhadap negara tersebut tidak pernah berubah. Perkara ini dibuktikan oleh pelbagai jalinan kerjasama antara kedua-dua negara yang masih berjalan lancar sehingga kini. Malah kedua-dua negara juga kerap bertukar-tukar lawatan di peringkat Menteri, Timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

4. Nilai dagangan antara Malaysia dan Iran juga didapati meningkat saban tahun. Pada tahun 2011, Iran merupakan rakan niaga Malaysia ke 35 terbesar di dunia dan keempat terbesar di rantau Asia Barat. Pada tahun yang sama juga, jumlah nilai dagangan Malaysia dan Iran dicatatkan sebanyak RM4,982.44 juta

(US\$1,628.25 juta), dengan kenaikan sebanyak 24.3% berbanding tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Umum mengetahui bahawa Iran sedang menghadapi sekatan ekonomi daripada pelbagai pihak termasuk oleh Majlis Keselamatan PBB, Amerika Syarikat dan negara-negara Kesatuan Eropah yang akan memberhentikan pembelian minyak daripada Iran dan mengenakan sekatan terhadap Bank Pusatnya bermula 1 Julai 2012. Sekatan-sekatan ini dikenakan terhadap Iran kerana keengganan menghentikan program nuklearnya yang didakwa oleh pihak Barat sebagai pembangunan senjata berbahaya yang boleh mengancam keamanan dunia. Walau bagaimanapun, Iran telah beberapa kali menafikan perkara ini dan menegaskan bahawa program nuklearnya adalah untuk tujuan keamanan iaitu sebagai sumber tenaga alternatif negara tersebut.

6. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia berpegang kepada pendirian bahawa negara kita hanya mengiktiraf, dan mempunyai obligasi, di bawah perundangan antarabangsa, untuk melaksanakan sekatan yang diluluskan di peringkat pelbagai hala sahaja, seperti sekatan yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB. Oleh yang demikian, Malaysia tidak mempunyai sebarang obligasi di bawah perundangan antarabangsa untuk melaksanakan sekatan-sekatan unilateral, seperti yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara anggota EU, kerana ia bersifat tidak mengikat atau *non-binding* dengan izin.

7. Walau bagaimanapun, Malaysia perlu mengimbangi

kepentingan hubungan dua hala dengan Iran dan Amerika Syarikat, dimana kedua-dua negara ini merupakan rakan niaga yang penting dan strategik kepada Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua

8. Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa setiap Negara, termasuk Iran, mempunyai hak untuk menggunakan dan membangunkan sektor tenaganya, termasuk tenaga nuklear untuk kegunaan secara aman sahaja. Malaysia juga berpendapat bahawa sesebuah Negara yang ingin mengguna tenaga nuklear harus patuh kepada prinsip-prinsip asas yang berkenaan dengan penggunaan tenaga nuklear secara aman. Prinsip-prinsip ini termasuk:

- 8.1 Pertama, sesebuah negara perlu mendapatkan keyakinan dan percayaan komuniti antarabangsa bahawa program nuklearnya digunakan semata-mata untuk tujuan aman;
- 8.2 Kedua, memastikan bahawa program nuklear mereka dilaksanakan secara penuh telus;
- 8.3 Ketiga, memastikan bahawa program nuklear tersebut tertakluk kepada skop penuh IAEA *Safeguards* dengan izin dan peraturan-peraturan yang berhubung dengan perkembangan program penjanaan nuklear yang ditetapkan oleh pihak IAEA; dan
- 8.4 Keempat, mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Perjanjian Ketidacambahan Nuklear (*Nuclear Non-Proliferation Treaty, NPT*).

Sekian, terima kasih.

AfO' **etfr**LW: NO
AUM

42
K
IO AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

DARIPADA

20 MAC 2012

TARIKH

4464

**SOALAN:
RUJUKAN:**

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah nilai rampasan dadah dalam kes-kes yang berjaya ditangkap oleh PDRM pada tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011 dan apakah SOP pihak polis dalam pengendalian bahan-bahan kes tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Rasah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, nilai rampasan dadah yang berjaya dikutip oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada tahun 2008 adalah sebanyak RM 260.87 juta, tahun 2009 meningkat kepada RM 389.25 juta, tahun 2010 sebanyak RM 270.78 juta dan pada tahun 2011 pula jumlah ini menurun kepada RM 243.32 juta. Bagi pengendalian rampasan dadah semasa siasatan dijalankan, penyimpanan di stor eksibit, pergerakan ke mahkamah dan perlupusan dadah tersebut adalah tertakluk kepada Perintah Tetap Ketua Polis Negara dan Arahan Pentadbiran Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

YB.

KAWASAN

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI SABAK

TARIKH

BERNAM 20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN:

YB. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM) minta MENTERI KER]A RAYA menyatakan syarikat kontraktor tempatan yang telah dilantik bagi projek penyelenggaraan Jalan Persekutuan yang baru di seluruh Semenanjung Malaysia setakat ini bagi menggantikan syarikat konsesi dan nyatakan sejauh manakah penjimatan kos dan peningkatan dari segi kualiti jalan yang disenggara itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menawarkan kontrak kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia kepada 3 syarikat konsesi utama. Kontrak konsesi untuk tempoh 15 tahun ini (2001 - 2016) telah dibahagikan mengikut zon, iaitu utara kepada Belati Wangsa (M) Sdn. Bhd., tengah dan timur kepada Roadcare (M) Sdn. Bhd. serta selatan kepada Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd.. Antara skop konsesi penswastaaan ini ialah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, berkala dan kecemasan di sepanjang jalan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan pada tahun ini telah memutuskan supaya kerja-kerja penyelenggaraan bagi Jalan Persekutuan yang baru di Semenanjung ditawarkan secara tender terbuka kepada syarikat-syarikat kontraktor lain yang berminat untuk mengambil bahagian. Ini melibatkan Jalan-Jalan Persekutuan baru dan sambungan yang telah disiapkan tetapi belum diserahkan kepada syarikat konsesi, dan juga jalan yang berstatus jalan negeri sebelum ini tetapi baru diwartakan sebagai jalan Persekutuan. Manakala jalan Persekutuan yang telah sedia diselenggara dan diserahkan kepada syarikat-syarikat konsesi sebelum tahun 2012 akan terus dikekalkan kepada syarikat konsesi berkenaan sehingga tamat tempoh konsesi mereka.

Memandangkan dasar ini baru sahaja diumumkan Kerajaan, Kementerian Kerja Raya masih lagi sedang meneliti isu-isu yang berbangkit berhubung pelaksanaan dasar ini, termasuk senarai jalan-jalan yang terlibat dan analisa kos faedah kepada Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

**DARIPADA Y.B. DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

SOALAN

Y.B. DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- a) berapa peratuskah tanah/hartanah milik Melayu dan Bumiputera di kawasan Bandar utama seperti Kuala Lumpur; dan
- b) mengapa harga rumah di kawasan bandar/pinggir bandar terlalu mahal. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal kegiatan spekulasi dan mengadakan harga siling bagi semua bahan binaan seperti pasir, besi, kayu dan simen.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di dalam Senarai Nilai bagi maksud Cukai Pintu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, peratus pemilikan tanah / hartanah milik Melayu dan Bumiputera di Kuala Lumpur sehingga 1 Oktober 2011 secara keseluruhannya adalah sebanyak 21.68% yang merangkumi hartanah kediaman, institusi, industri dan komersial.

Data-data terperinci adalah seperti berikut

	476,240
Jumlah Harta	
Jumlah pemilikan harta Melayu dan Bumiputera	103,256
Jumlah pemilikan harta bukan Melayu, Syarikat Sdn. Bhd. dan Agensi Kerajaan	372,984
Peratus pemilikan harta Melayu dan Bumiputera	21.68%

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasaran harga rumah di seluruh negara ditentukan oleh beberapa faktor antaranya adalah penawaran dan permintaan, lokasi, nilai harta tanah, kos upah pekerja dan kos bahan binaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan hanya mengawal penjualan dan pemilikan bagi perumahan kos rendah sahaja bagi memastikan golongan sasaran mendapat manfaat dan kemudahan.

Bagi kategori rumah kos lain, pada umumnya pihak pemaju akan melaksanakan kajian pasaran terlebih dahulu untuk mengenal pasti keperluan permintaan sebelum sesuatu projek perumahan dilaksanakan. Berasaskan kepada kedudukan pada masa ini, pembangunan perumahan banyak tertumpu di kawasan bandar seperti di Lembah Klang dan Pulau Pinang yang padat dengan penduduk di mana keupayaan pembeli adalah lebih tinggi dan pasaran perumahan adalah lebih meluas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengelakkan spekulasi dalam kenaikan harga rumah, Kerajaan telah memperkenalkan dua (2) mekanisme kawalan iaitu:-

- i) Melaksanakan *Real Property Gain Tax* (RPGT) iaitu cukai keuntungan daripada penjualan/pelupusan harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah.

- ii) Menetapkan Nisbah Pembiayaan (*Margin of Finance*) yang lebih rendah oleh institusi kewangan dan bank-bank iaitu memberi pinjaman tidak melebihi kadar 70% bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya.

Kerajaan yakin dengan pelaksanaan dua (2) mekanisme yang dinyatakan ini, keupayaan dan kadar keuntungan yang dinikmati oleh spekulator selama ini akan terjejas dan hanya pembeli-pembeli sebenar ("*Genuine Buyer*") akan membeli dan memiliki rumah/harta tanah.

Mac 2012

SOALAN NO : 53

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB [LANGKAWI]

TARIKH

20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan

- (a) nyatakan prestasi projek tuna oleh Kerajaan di Pulau Langkawi; dan
- (b) berapakah peruntukan bagi projek ini dan berapa banyakkah yang telah dibelanjakan serta jumlah tan ikan yang telah didaratkan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Jawapan (a)

Projek pemuliharaan tuna masih belum bermula lagi kerana pihak syarikat yang terlibat dengan projek ini masih gagal mendapatkan benih tuna. Benih tuna diperolehi daripada benih ikan tuna liar di lautan.

Jawapan (b)

Projek pemuliharaan ikan tuna di perairan Langkawi merupakan projek Khazanah Nasional Bhd. yang dilaksanakan melalui Syarikat Langkawi Tuna (100% milik Khazanah Nasional). Sokongan daripada pihak Jabatan Perikanan hanya dari segi pentadbiran manakala modal dan teknikal adalah daripada pihak syarikat sendiri. Oleh itu, Kementerian ini tiada maklumat terperinci mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek ini.

NO SOALAN :

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARI PADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
(SEPANGGAR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2012

Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan keuntungan/faedah kedua-dua pihak sejak pembelian saham MAS oleh AirAsia dan bagaimana dengan ahli lembaga dari Sabah dan beberapa penerbangan terus dari negara asing ke Sabah yang dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan penstrukturan Malaysian Airlines System Bhd (MAS) dan AirAsia Bhd (AirAsia) bukan semata-mata bertujuan untuk menjana keuntungan tetapi untuk memastikan operasi kedua-dua syarikat terutamanya MAS dilaksanakan secara efisien dan kos efektif. Pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan kos operasi syarikat diminimumkan seperti melalui perolehan bersama atau dengan izin, *joint procurement*, perkongsian peralatan dan perkhidmatan serta penyatuan aktiviti utama yang boleh membawa kepada kecekapan yang lebih tinggi. Melalui langkah-langkah ini, MAS dijangka berpotensi untuk mencatatkan penjimatan

kos operasi tahunan sebanyak RM100 juta. Selain itu, kerjasama ini bakal menjadikan Malaysia sebagai hab penerbangan dan pelancongan di rantau ini. Dengan hab-hab utama seperti di Bangkok, Singapura dan Hong Kong, MAS berperanan dalam mempromosikan Malaysia kepada syarikat penerbangan lain dan pelancong asing selain mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan industri penerbangan dan pelancongan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sejak 8 Ogos 2011 iaitu selepas Rangka Kerja Kolaborasi Komprehensif (*Comprehensive Collaboration Framework* - CCF) ditandatangani, Lembaga Pengarah MAS tidak lagi mempunyai wakil dari negeri Sabah. Walau bagaimanapun, kepentingan rakyat Sabah tidak diabaikan memandangkan sebuah Panel Penasihat Kerjasama yang diwujudkan di bawah CCF ada membariskan wakil daripada Sabah dan Sarawak bertujuan untuk memastikan kepentingan orang ramai termasuk penduduk Sabah dan Sarawak sentiasa terpelihara dalam operasi MAS dan AirAsia. Namun, operasi perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) di Sabah dan Sarawak tetap dijalankan oleh MAS melalui anak syarikatnya, MASWings Sdn Bhd.

3. Bagi laluan antarabangsa pula, sehingga kini antara laluan dari Kota Kinabalu yang telah dihentikan adalah laluan Kota Kinabalu - Osaka *vice versa* (vv), 2 kali seminggu, Kota Kinabalu - Perth vv, 3 kali seminggu, Kota Kinabalu - Haneda vv, 4 kali seminggu dan Kota Kinabalu - Seoul vv, 4 kali seminggu. Walau bagaimanapun, MAS akan mengadakan semula perkhidmatan bagi laluan-laluan berkenaan sekiranya terdapat pasaran dan permintaan yang menggalakkan pada masa hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN (56)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

**DARIPADA Y.B. TUAN HEELOY SIAN
[PETALING JAYASELATAN]**

SOALAN

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan**

- a) apakah usaha Kementerian untuk mengawal harga rumah daripada terus melambung naik terutama di kawasan sekitar Lembah Klang; dan
- b) adakah Kementerian berhasrat untuk meningkatkan lagi kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah memandangkan aktiviti spekulasi kenaikan harga rumah masih berleluasa terutamanya di sekitar kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasaran harga rumah di seluruh negara ditentukan oleh beberapa faktor antaranya adalah penawaran dan permintaan, lokasi, nilai harta tanah, kos upah pekerja dan kos bahan binaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan hanya mengawal penjualan dan pemilikan bagi perumahan kos rendah sahaja bagi memastikan golongan sasaran mendapat manfaat dan kemudahan.

Bagi kategori rumah kos lain, pada umumnya pihak pemaju akan melaksanakan kajian pasaran terlebih dahulu untuk mengenal pasti keperluan permintaan sebelum sesuatu projek perumahan dilaksanakan. Berasaskan kepada kedudukan pada masa ini, pembangunan perumahan banyak tertumpu di kawasan bandar seperti di Lembah Klang dan Pulau Pinang yang padat dengan

penduduk di mana keupayaan pembeli adalah lebih tinggi dan pasaran perumahan adalah lebih meluas.

Bagi tujuan membendung kenaikan harga rumah yang agak keterlaluan, Kerajaan sentiasa mengawal spekulasi harga rumah melalui beberapa langkah tertentu. Antaranya termasuk pelaksanaan semula Cukai Keuntungan Harta Tanah (*Real Property Gains Tax*) pada tahun 2010. Selain itu, Bank Negara Malaysia telah mengenakan had nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*) maksimum sebanyak 70 peratus bagi pinjaman ketiga untuk mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran perumahan. Langkah-langkah ini akan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam sektor perumahan dan seterusnya menstabilkan harga rumah.

Langkah-langkah awal yang diambil oleh Kerajaan ini telah menunjukkan hasilnya. Ini berdasarkan Laporan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia yang menunjukkan penurunan harga rumah sebanyak 1.5% bagi suku pertama tahun 2011 berbanding suku keempat tahun 2010 iaitu daripada 8.0%

kepada 6.5%.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin tentang keperluan membendung aktiviti spekulasi dalam bidang hartanah. Bagi tujuan ini, kadar cukai yang telah ditetapkan ke atas keuntungan yang diperolehi daripada pelupusan hartanah adalah lebih tinggi iaitu 30% sekiranya tempoh pegangan kurang daripada 2 tahun. Manakala bagi tempoh pegangan yang lebih panjang iaitu melebihi 5 tahun, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) tidak dikenakan kepada individu pemastautin dan rakyat Malaysia sementara kadar 5% bagi kategori selainnya.

Namun begitu, mengambil kira kedudukan pasaran hartanah dari semasa ke semasa dan menyeimbangkan keperluan untuk membendung aktiviti spekulasi serta memastikan pasaran hartanah berkembang dengan baik, Kerajaan melalui Bajet 2012 mengumumkan bahawa mulai 1 Januari 2012, keuntungan yang diperolehi dari pelupusan hartanah dalam tempoh pegangan 2 tahun atau kurang dikenakan CKHT pada kadar 10% sahaja.

Kerajaan berpandangan pada masa ini kadar 10% tersebut wajar dikekalkan. Tambahan pula, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama-sama dengan Kementerian Kewangan sentiasa memantau kedudukan pasaran hartanah dari masa ke semasa.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN (56)

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

DARI PADA Y.B. DATO' SERI DR. ABDULLAHBIN MD. ZIN
[BESUT]

SOALAN

Y.B. DATO' SERI DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN [BESUT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha mengenal pasti kawasan-kawasan pantai yang menjadi tumpuan orang ramai untuk berkelah, tetapi mempunyai risiko berlakunya kejadian- kejadian yang tidak diingini kepada pengunjungnya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat kajian bersama Unit Perancang Ekonomi (EPU) mengenai pelan induk *Integrated Coastal Zone Management* (ICZM) bagi mengawal konflik penggunaan pantai dan kawalan pembangunan.

Susulan daripada kajian tersebut, beberapa kajian spatial terperinci lain turut dilakukan yang melibatkan pengurusan pantai secara lebih mampan seperti berikut:-

- (i) Kajian *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP) oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); dan
- (ii) Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai (RFZPPN) oleh pihak JPBD Semenanjung Malaysia, KPKT.

RFZPPN secara dasarnya menyediakan strategi dan langkah-langkah pengurusan pantai yang mengawal penggunaan pantai secara lebih mampan, serta menyediakan pelan kawasan sensitif pantai dan risiko bencana bagi mengawal banjir dan hakisan pantai. Melalui strategi, pelan kawasan sensitif dan pelan risiko yang dihasilkan, ianya mampu mengenal pasti kawasan berisiko bencana untuk diambil tindakan terperinci termasuk kaedah adaptasi (bagi kawasan yang telah wujud pembangunan) dan mitigasi (bagi kawasan baru) yang melibatkan penyediaan tembok laut, sistem pemisah pantai, lapis lindung, benteng hakisan dan sebagainya.

RFZPPN adalah merupakan dokumen panduan yang akan diperincikan melalui penyediaan Rancangan Tempatan Daerah (disediakan dan diwartakan selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)). Ianya juga akan melibatkan agensi teknikal berkaitan pantai lain, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan JPS selaku pihak pelaksana yang akan menggunakan RFZPPN sebagai dokumen panduan pelaksanaan dan permohonan peruntukan projek.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Mac 2012

*tfo' &*ALAN:*

Si
NO AUM

JS6MP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED
MOJILIP BUMBURING [TUARAN]
TARIKH : 20 MAC 2012
RUJUKAN : 4465

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada benar bahawa ramai daripada mereka yang menghuni rumah pangsa di Telipok Ria dan Sri Rugading di Kawasan Tuaran adalah pendatang tanpa izin yang memegang MYKad dan telah pun menjadi pengundi kawasan Tuaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, Kementerian

Dalam Negeri tidak mengeluarkan kad pengenalan bertaraf warganegara (MyKad) kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Pemberian taraf kewarganegaraan adalah hanya kepada warga asing yang berkelayakan berlandaskan peruntukan undang-undang semasa di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Berhubung isu penghuni rumah pangsa di Telipok Ria dan Sri Rugading pula, Kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan penghuni yang memiliki MyKad. Manakala, pengesahan pendaftaran pemilih adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).

SOALAN N0.58

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI
[TAWAU]
TARIKH 20 MAC 2012

SOALAN:

DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU) minta PERDANA MENTERI
menyatakan:-

- (a) jumlah bilangan pengundi, pengundi baru dan pengundi pos bagi setiap kawasan ADUN dan kawasan Parlimen di negeri Sabah sejak 3 Mac 2008 sehingga sekarang; dan
- (b) sila berikan pecahan bilangan penambahan pengundi baru bagi setiap kawasan ADUN dan kawasan Parlimen mengikut bangsa, umur dan gender.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Jumlah pengundi di Sabah mengikut Daftar Pemilih Induk 2007 seperti yang diwartakan pada 5 Februari 2008 adalah seramai 807,862 orang yang terdiri daripada 13,414 orang pengundi pos dan 794,448 orang pengundi biasa. Manakala bagi tahun 2011, jumlah pengundi di Sabah mengikut Daftar Pemilih Terkini Sehingga ST 3/2011 seperti yang diwartakan pada 16 Februari 2012 adalah seramai 882,138 orang yang terdiri daripada 14,763 orang pengundi pos dan 867,375 orang pengundi biasa.

(b) Pecahan bilangan penambahan pengundi baru bagi setiap kawasan ADUN dan kawasan Parlimen di negeri Sabah mengikut bangsa, umur dan jantina adalah seperti di LAMPIRAN. Sekian, terima kasih.

**STATISTIK PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 3/2011
MENGIKUT PECAHAN KAUM DAN DUN NEGERI SABAH
(YANG DI WARTAKAN PADA 16 FEBRUARI 2012)**

PARLIMEN	DUN	MELAYU	CINA	INDIA	BUMI SABAH	BUMI SRWAK	ORANG ASLI	LAIN - LAIN	JUMLAH
P. 167 KUDAT	N.01 BANGGI	28	1	0	1,009	3	0	257	1,298
P. 167 KUDAT	N.02 TANJONGKAPOR	191	285	2	2,127	15	0	172	2,792
P. 167 KUDAT	N.03 PITAS	81	12	0	1,598	9	0	70	1,770
P.168 KOTAMARUDU	N.04 MATUNGGONG	92	17	2	2,461	6	0	82	2,660
P.168 KOTAMARUDU	N.05 TANDEK	204	56	1	3,482	10	0	50	3,803
P.169 KOTA BELUD	N.06 TEMPASUK	171	2	1	1,814	3	0	35	2,026
P. 169 KOTA BELUD	N.07 KADAMAIAN	76	11	2	1,842	0	1	10	1,942
P.169 KOTA BELUD	N.08 USUKAN	204	61	3	1,757	7	0	78	2,110
P. 170 TUARAN	N.09 TAMPARULI	139	151	5	1,474	8	0	39	1,816
P. 170 TUARAN	N.10 SULAMAN	211	61	6	2,123	4	0	41	2,446
P. 170 TUARAN	N.11 KIULU	43	23	1	1,277	6	0	7	1,357
P. 171 SEPANGGAR	N.12 KARAMBUNAI	1,130	417	22	3,029	32	0	304	4,934
P.171 SEPANGGAR	N.13 INANAM	287	936	12	1,804	12	1	153	3,205
P.172 KOTA KINABALU	N.14 LIKAS	47	618	15	239	1	0	23	943
P.172 KOTA KINABALU	N.15 API-API	67	201	6	160	9	0	12	455
P.172 KOTA KINABALU	N.16 LUYANG	115	1,129	17	467	5	0	38	1,771
P. 173 PUTATAN	N.17 TAN JONG ARU	516	247	10	1,449	12	0	149	2,383

P.173 PUTATAN	N.18 PETAGAS	960	47	12	855	46	0	58	1,978
P. 174 PENAMPANG	N.19 KAPAYAN	245	1,882	35	1,289	17	0	83	3,551
P. 174 PENAMPANG	N.20 MOYOG	83	100	5	1,667	15	0	33	1,903
P.175 PAPAR	N.21 KAWANG	262	108	1	1,990	18	0	74	2,453
P. 175 PAPAR	N.22 PANTAI MANIS	243	167	10	1,124	14	0	41	1,599
P.176 KIMANIS	N.23 BONGAWAN	438	46	1	1,402	16	0	69	1,972
P.176 KIMANIS	N.24 MEMBAKUT	154	11	0	1,031	10	0	25	1,231
P. 177 BEAUFORT	N.25 KLIAS	176	109	5	1,013	14	0	62	1,379
P. 177 BEAUFORT	N.26 KUALA PENYU	127	14	3	981	22	0	34	1,181
P.178 SIPITANG	N.27 LUMADAN	209	55	0	1,368	14	0	63	1,709
P.178 SIPITANG	N.28 SINDUMIN	311	45	5	1,223	23	0	82	1,689
P. 179 RANAU	N.29 KUNDASANG	51	7	0	2,475	2	0	22	2,557
P. 179 RANAU	N.30 KARANAAN	77	30	0	1,224	5	0	29	1,365
P. 179 RANAU	N.31 PAGINATAN	75	9	2	2,058	6	0	28	2,178
P.180 KENINGAU	N.32 TAMBUNAN	61	17	0	1,250	7	0	11	1,346
P.180 KENINGAU	N.33 BINGKOR	163	73	1	1,376	3	0	37	1,653
P.180 KENINGAU	N.34 LIAWAN	178	245	4	1,203	20	1	118	1,769
P.181 TENOM	N.35 MELALAP	122	149	2	997	11	0	30	1,311
P.181 TENOM	N.36 KEMABONG	65	74	1	1,706	16	1	39	1,902
P. 182 PENSIANGAN	N.37 SOOK	62	38	1	2,153	8	0	40	2,302
P. 182 PENSIANGAN	N.38 NABAWAN	23	6	0	1,591	4	0	14	1,638
P.183 BELURAN	N.39 SUGUT	76	9	3	1,591	12	0	126	1,817

P.183 BELURAN	N.40 LABUK	136	12	3	1,909	23	0	317	2,400
P. 184 LIBARAN	N.41 GUM-GUM	343	487	4	544	14	0	269	1,661
P. 184 LIBARAN	N.42 SUNGAI SIBUGA	1,294	381	8	1,570	26	1	704	3,984
P. 185 BATUSAPI	N.43 SEKONG	243	549	4	977	7	0	605	2,385
P. 185 BATUSAPI	N.44 KARAMUNTING	464	254	10	468	26	0	389	1,611
P. 186 SANDAKAN	N.45 ELOPURA	568	1,268	15	933	16	0	340	3,140
P. 186 SANDAKAN	N.46 TANJONGPAPAT	269	206	4	536	9	0	173	1,197
P. 187 KINABATANGAN	N.47 KUAMUT	161	13	1	2,459	30	0	156	2,820
P.187 KINABATANGAN	N.48 SUKAU	247	5	3	775	7	0	205	1,242
P.188 SILAM	N.49 TUNGKU	317	95	2	1,053	6	0	266	1,739
P.188 SILAM	N.50 LAHADDATU	663	328	12	1,530	30	0	591	3,154
P. 188 SILAM	N.51 KUNAK	555	21	3	832	7	0	125	1,543
P.189 SEMPORNA	N.52 SULABAYAN	61	0	1	1,509	1	0	26	1,598
P. 189 SEMPORNA	N.53 SENALLANG	136	35	4	1,218	8	0	42	1,443
P. 189 SEMPORNA	N.54 BUGAYA	243	24	2	2,609	18	0	51	2,947
P.190 TAWAU	N.55 BALUNG	1,393	60	2	373	38	0	284	2,150
P. 190 TAWAU	N.56 APAS	1,697	351	1	142	3	0	279	2,473
P. 190 TAWAU	N.57 SRITANJONG	679	1,346	12	261	4	1	297	2,600
P. 191 KALABAKAN	N.58 MEROTAI	1,289	468	7	357	18	0	550	2,689
P. 191 KALABAKAN	N.59 TANJONGBATU	1,392	68	2	611	113	0	923	3,109
P. 191 KALABAKAN	N.60 SEBATIK	501	48	3	269	10	0	159	990

**STATISTIK PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 3/2011
MENGIKUT PECAHAN UMUR DAN DUN NEGERI SABAH
(YANG DI WARTAKAN PADA 16 FEBRUARI 2012)**

PARLIMEN	DUN	21-29	30-39	40-49	50-59	60-69	70-79	80-89	90 ke	JUMLAH
P.167 KUDAT	N.01 BANGGI	892	342	49	12	2	1	0	0	1,298
P.167 KUDAT	N.02 TANJONG KAPOR	2,250	451	60	21	6	4	0	0	2,792
P.167 KUDAT	N.03 PITAS	1,222	456	74	11	7	0	0	0	1,770
P.168 KOTA MARUDU	N.04 MATUNGGONG	1,801	753	80	21	4	1	0	0	2,660
P.168 KOTA MARUDU	N.05 TANDEK	2,563	967	197	54	17	5	0	0	3,803
P.169 KOTA BELUD	N.06 TEMPASUK	1,643	335	30	9	8	1	0	0	2,026
P.169 KOTA BELUD	N.07 KADAMAIAN	1,478	402	42	12	8	0	0	0	1,942
P.169 KOTA BELUD	N.08 USUKAN	1,752	308	31	7	9	2	1	0	2,110
P.170 TUARAN	N.09 TAMPARULI	1,283	456	50	17	8	1	1	0	1,816
P.170 TUARAN	N.10 SULAMAN	1,914	439	55	22	15	1	0	0	2,446
P.170 TUARAN	N.11 KIULU	1,010	303	38	4	1	1	0	0	1,357
P.171 SEPANGGAR	N.12 KARAMBUNAI	3,571	1,073	192	72	18	8	0	0	4,934
P.171 SEPANGGAR	N.13 INANAM	2,272	737	113	58	21	4	0	0	3,205
P.172 KOTA KINABALU	N.14 LIKAS	632	234	41	22	10	2	2	0	943
P.172 KOTA KINABALU	N.15 API-API	291	111	36	11	4	2	0	0	455
P.172 KOTA KINABALU	N.16 LUYANG	1,209	443	49	42	20	7	1	0	1,771
P.173 PUTATAN	N.17 TANJONG ARU	1,730	497	81	50	22	3	0	0	2,383
P.173 PUTATAN	N.18 PETAGAS	1,532	364	58	17	7	0	0	0	1,978
P.174 PENAMPANG	N.19 KAPAYAN	2,439	861	122	78	47	4	0	0	3,551
P.174 PENAMPANG	N.20 MOYOG	1,384	461	38	15	2	3	0	0	1,903

P.175 PAPAR	N.21 KAWANG	1,823	499	72	36	21	1	1	0	2,453
P.175 PAPAR	N.22 PANTAI MANIS	1,242	295	31	14	17	0	0	0	1,599
P. 176 KIMANIS	N.23 BONGAWAN	1,531	368	42	14	16	1	0	0	1,972
P.176 KIMANIS	N.24 MEMBAKUT	985	212	20	10	4	0	0	0	1,231
P.177 BEAUFORT	N.25 KLIAS	1,044	286	25	12	11	1	0	0	1,379
P.177 BEAUFORT	N.26 KUALA PENYU	897	245	26	8	4	1	0	0	1,181
P. 178 SIPITANG	N.27 LUMADAN	1,315	360	21	6	7	0	0	0	1,709
P.178 SIPITANG	N.28 SINDUMIN	1,248	369	40	22	10	0	0	0	1,689
P.179 RANAU	N.29 KUNDASANG	1,864	595	82	11	3	2	0	0	2,557
P.179 RANAU	N.30 KARANAAN	1,076	257	20	10	1	1	0	0	1,365
P.179 RANAU	N.31 PAGINATAN	1,691	420	42	17	6	2	0	0	2,178
P. 180 KENINGAU	N.32 TAMBUNAN	988	318	28	5	6	1	0	0	1,346
P.180 KENINGAU	N.33 BINGKOR	1,061	501	55	16	19	1	0	0	1,653
P. 180 KENINGAU	N.34 LIAWAN	1,309	371	63	14	10	2	0	0	1,769
P.181 TENOM	N.35 MELALAP	955	306	29	12	7	2	0	0	1,311
P.181 TENOM	N.36 KEMABONG	1,379	450	41	19	11	2	0	0	1,902
P. 182 PENSIANGAN	N.37 SOOK	1,645	567	72	9	7	2	0	0	2,302
P. 182 PENSIANGAN	N.38 NABAWAN	1,025	468	122	15	7	1	0	0	1,638
P. 183 BELURAN	N.39 SUGUT	1,205	477	109	17	8	1	0	0	1,817
P.183 BELURAN	N.40 LABUK	1,709	587	87	12	4	0	0	1	2,400
P. 184 LIBARAN	N.41 GUM-GUM	1,209	359	54	20	15	4	0	0	1,661
P. 184 LIBARAN	N.42 SUNGAI SIBUGA	2,934	818	139	67	21	5	0	0	3,984
P.185 BATU SAPI	N.43 SEKONG	1,780	449	91	45	15	4	1	0	2,385
P.185 BATU SAPI	N.44 KARAMUNTING	1,164	373	48	18	6	2	0	0	1,611
P. 186 SANDAKAN	N.45 ELOPURA	2,210	685	132	62	40	11	0	0	3,140

P. 186	SANDAKAN	N.46 TANJONG PAPAT	824	298	44	19	11	1	0	0	1,197
P. 187	KINABATANGAN	N.47 KUAMUT	1,686	758	194	117	42	19	3	1	2,820
P. 187	KINABATANGAN	N.48 SUKAU	885	274	48	21	12	2	0	0	1,242
P.188	SILAM	N.49 TUNGKU	1,254	393	61	22	7	0	2	0	1,739
P.188	SILAM	N.50 LAHAD DATU	2,286	657	135	44	23	8	1	0	3,154
P.188	SILAM	N.51 KUNAK	1,080	351	74	26	12	0	0	0	1,543
P.189	SEMPORNA	N.52 SULABAYAN	1,141	370	72	11	3	1	0	0	1,598
P.189	SEMPORNA	N.53 SENALLANG	1,006	322	81	28	5	1	0	0	1,443
P.189	SEMPORNA	N.54 BUGAYA	1,987	695	194	53	12	5	1	0	2,947
P.190	TAWAU	N.55 BALUNG	1,469	508	109	43	17	2	2	0	2,150
P.190	TAWAU	N.56 APAS	1,674	589	107	64	33	6	0	0	2,473
P.190	TAWAU	N.57 SRI TANJONG	1,656	724	130	53	28	8	1	0	2,600
P.191	KALABAKAN	N.58 MEROTAI	1,826	651	131	50	24	6	1	0	2,689
P.191	KALABAKAN	N.59 TANJONG BATU	2,017	860	155	52	21	3	1	0	3,109
P.191	KALABAKAN	N.60 SEBATIK	699	222	52	10	5	1	1	0	990

STATISTIK PEMILIH TERKINI SEHINGGA ST 3/2011
MENGIKUT PECAHAN JANTINA DAN DUN NEGERI SABAH
(YANG DIWARTAKAN PADA 16 FEBRUARI 2012)

PARLIMEN	DUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
P. 167 KUDAT	N.01 BANGGI	624	674	1,298
P. 167 KUDAT	N.02 TANJONG KAPOR	1,432	1,360	2,792
P.167 KUDAT	N.03 PITAS	903	867	1,770
P. 168 KOTAMARUDU	N.04 MATUNGGONG	1,284	1,376	2,660
P.168 KOTAMARUDU	N.05 TANDEK	1,850	1,953	3,803
P. 169 KOTA BELUD	N.06 TEMPASUK	1,049	977	2,026
P.169 KOTA BELUD	N.07 KADAMAIAAN	1,029	913	1,942
P. 169 KOTA BELUD	N.08 USUKAN	1,062	1,048	2,110
P. 170 TUARAN	N.09 TAMPARULI	947	869	1,816
P. 170 TUARAN	N.10 SULAMAN	1,187	1,259	2,446
P. 170 TUARAN	N.11 KIULU	721	636	1,357
P. 171 SEPANGGAR	N.12 KARAMBUNAI	2,476	2,458	4,934
P.171 SEPANGGAR	N.13 INANAM	1,664	1,541	3,205
P.172 KOTA KINABALU	N.14 LIKAS	502	441	943
P. 172 KOTA KINABALU	N.15 API-API	252	203	455
P. 172 KOTA KINABALU	N.16 LUYANG	913	858	1,771
P. 173 PUTATAN	N.17 TANJONG ARU	1,169	1,214	2,383
P. 173 PUTATAN	N.18 PETAGAS	1,014	964	1,978
P. 174 PENAMPANG	N.19 KAPAYAN	1,853	1,698	3,551
P. 174 PENAMPANG	N.20 MOYOG	983	920	1,903
P. 175 PAPAR	N.21 KAWANG	1,324	1,129	2,453
P. 175 PAPAR	N.22 PANTAI MAN IS	850	749	1,599
P. 176 KIMANIS	N.23 BONGAWAN	1,046	926	1,972
P.176 KIMANIS	N.24 MEMBAKUT	616	615	1,231
P.177 BEAUFORT	N.25 KLIAS	707	672	1,379
P. 177 BEAUFORT	N.26 KUALA PENYU	598	583	1,181
P.178 SIPITANG	N.27 LUMADAN	884	825	1,709
P.178 SIPITANG	N.28 SINDUMIN	902	787	1,689
P. 179 RANAU	N.29 KUNDASANG	1,201	1,356	2,557
P. 179 RANAU	N.30 KARANAAN	671	694	1,365
P. 179 RANAU	N.31 PAG I NATAN	1,130	1,048	2,178
P.180 KENINGAU	N.32 TAMBUNAN	635	711	1,346

P. 180 KENINGAU	N.33 BINGKOR	860	793	1,653
P.180 KENINGAU	N.34 LIAWAN	923	846	1,769
P.181 TENOM	N.35 MELALAP	713	598	1,311
P.181 TENOM	N.36 KEMABONG	972	930	1,902
P. 182 PENSIANGAN	N.37 SOOK	1,171	1,131	2,302
P. 182 PENSIANGAN	N.38 NABAWAN	850	788	1,638
P. 183 BELURAN	N.39 SUGUT	898	919	1,817
P. 183 BELURAN	N.40 LABUK	1,166	1,234	2,400
P. 184 LIBARAN	N.41 GUM-GUM	835	826	1,661
P. 184 LIBARAN	N.42 SUNGAI SIBUGA	1,974	2,010	3,984
P.185 BATU SAPI	N.43 SEKONG	1,147	1,238	2,385
P.185 BATU SAPI	N.44 KARAMUNTING	785	826	1,611
P. 186 SANDAKAN	N.45 ELOPURA	1,508	1,632	3,140
P. 186 SANDAKAN	N.46 TANJONGPAPAT	603	594	1,197
P. 187 KINABATANGAN	N.47 KUAMUT	1,425	1,395	2,820
P. 187 KINABATANGAN	N.48 SUKAU	635	607	1,242
P. 188 SILAM	N.49 TUNGKU	816	923	1,739
P.188 SILAM	N.50 LAHADDATU	1,567	1,587	3,154
P. 188 SILAM	N.51 KUNAK	692	851	1,543
P. 189 SEMPORNA	N.52 SULABAYAN	682	916	1,598
P.189 SEMPORNA	N.53 SENALLANG	652	791	1,443
P. 189 SEMPORNA	N.54 BUGAYA	1,329	1,618	2,947
P. 190 TAWAU	N.55 BALUNG	990	1,160	2,150
P. 190 TAWAU	N.56 APAS	1,228	1,245	2,473
P. 190 TAWAU	N.57 SRITANJONG	1,361	1,239	2,600
P.191 KALABAKAN	N.58 MEROTAI	1,295	1,394	2,689
P. 191 KALABAKAN	N.59 TANJONGBATU	1,457	1,652	3,109
P.191 KALABAKAN	N.60 SEBATIK	536	454	990

SOALAN NO : 59

PERTANYAAN: PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
~~LISAN~~

DARIPADA DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED

[SEKIJANG]

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapakah bantuan wang ihsan mangsa banjir 2011 yang tidak dapat hadir dan mengambilnya pada tarikh hari penyerahan tidak diberikan peluang untuk mengambilnya semula pada tarikh lain.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Mangsa banjir yang tidak dapat hadir dan mengambil bantuan wang ihsan pada tarikh hari penyerahan dibenarkan untuk mengambil wang ihsan pada hari lain. Penerima-penerima wang ihsan yang tidak dapat hadir perlu

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

memaklumkan kepada MKN Negeri untuk semakan nama dengan tujuan memastikan kesahihan maklumat bagi penyaluran bantuan wang ihsan berkenaan kepada mereka. Walau bagaimanapun, wakil penerima tidak dibenarkan mengambil wang ihsan bagi pihak mangsa yang terlibat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN

BAGI JAWAB

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

DARIPADA MALAYSIA

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]

TARIKH

Selasa, 20 Mac 2012

SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta

MENTERI LUAR NEGERI

menyatakan apakah langkah yang sedang dan akan dibuat oleh Kerajaan bagi membantu mereda dan menyelesaikan konflik serta pertumpahan darah di Syria yang telah mengorbankan lebih daripada 6 ribu nyawa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pergolakan politik yang menjejaskan keselamatan di Syria masih berterusan. Sehingga kini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan hampir 7,500 orang awam telah terkorban di Syria sejak pemberontakan bermula pada 16 Mac 2011.

3. Malaysia memandang berat konflik yang semakin meruncing di Syria yang pastinya akan memberi kesan terhadap kestabilan serantau dan geopolitik dunia. Malaysia akan terus bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada konflik di Syria menerusi peringkat dua hala mahupun peringkat pelbagai hala.

4. Dalam hal ini, semasa lawatan PYT Dr. Bouthaina Shaaban, Utusan Khas kepada Presiden Syria ke Malaysia pada 10-12 Oktober 2011, Malaysia telah menyuarakan kebimbangan terhadap apa yang berlaku di Syria. Selain itu, semasa Mesyuarat Terbuka Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di peringkat Menteri yang diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada 30 November 2011, Malaysia telah menyokong penuh usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Liga Arab bagi menyelesaikan krisis Syria secara damai. Malaysia turut menyeru

supaya semua pihak menggunakan dialog sebagai mekanisme untuk menamatkan kebuntuan serta mengelakkan pertumpahan darah. Justeru, adalah jelas terbukti bahawa Malaysia sentiasa komited dalam membela nasib umat Islam di seluruh dunia.

5. Malaysia juga turut menyokong resolusi Perhimpunan Agung PBB pada 16 Februari 2012 yang mempamerkan keprihatinan Malaysia terhadap keadaan di negara tersebut. Malaysia berharap Kerajaan Syria mengambil iktibar daripada resolusi UNGA yang mencerminkan kebimbangan dan harapan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, China dan Rusia berhak menggunakan kuasa veto mereka ke atas sebarang draf resolusi Majlis Keselamatan PBB termasuk ke atas resolusi pada 4 Februari 2012.

7. Dalam hal ini, Malaysia menyokong usaha mencari jalan penyelesaian secara damai demi kepentingan rakyat Syria dan untuk keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa. Ini boleh dilakukan melalui PBB dan pertubuhan kerjasama serantau seperti Liga Arab dan Majlis Kerjasama Teluk. Walau bagaimanapun, sebarang penyelesaian haruslah menghormati prinsip-prinsip demokrasi, kedaulatan dan integriti wilayah Syria, selaras dengan peruntukan Piagam PBB. Sehubungan ini Malaysia telah menyokong penubuhan satu Suruhanjaya Penyiasatan bagi menyiasat pencabulan hak asasi manusia melalui resolusi Majlis Hak Asasi Manusia pada 2 Disember 2011. Malaysia juga menolak sebarang campur tangan bersenjata di Syria.

8. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mempunyai dasar luar yang tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara. Dalam hal ini, Malaysia berharap agar konflik di Syria dapat diselesaikan melalui dialog dan secara aman dan demokratik. Malaysia juga sentiasa memantau perkembangan di rantau tersebut dan mengambil langkah- langkah yang wajar demi memastikan keselamatan rakyat Malaysia di Syria.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia juga masih belum mempunyai rancangan untuk mengemukakan cadangan menerusi landasan OIC supaya satu pasukan pengaman dari kalangan tentera negara-negara anggota OIC dihantar bagi menghentikan keganasan terhadap orang awam di Syria. Ini bagi mengelakkan daripada campur tangan di dalam urusan dalaman negara tersebut serta membenarkan pelan-pelan yang disediakan oleh PBB dan Liga Arab dikuatkuasakan. Malaysia juga percaya dengan pelantikan Kofi Annan, bekas Setiausaha Agong PBB sebagai Utusan Khas PBB - Liga Arab ke Syria, dapat membantu menyelesaikan konflik di negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARI PADA **TUAN TONY PUA KIAM WEE**

[Petaling Jaya Utara]

TARIKH **20 Mac 2012 (Selasa)**

SOALAN **61**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan**

- (a) sebab Lapangan Terbang KLIA 2 dipindahkan daripada tapak asal KLIA Utara ke KLIA Barat yang telah dikenali sebagai tapak yang paling tidak sesuai untuk membina lapangan terbang; dan
- (b) kos kerja tanah di tapak KLIA Barat dan pembinaan menara kawalan baru di KLIA 2.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Keputusan untuk memindahkan tapak asal KLIA2 daripada tapak asal KLIA Utara ke KLIA Barat adalah berdasarkan Pelan Induk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang telah siap pada Disember

2008.

Kos kerja tanah di tapak KLIA Barat ialah sebanyak RM773.38 juta dan kos pembinaan menara kawalan baru di KLIA2 ialah sebanyak RM40.95 juta.

NO. SOALAN: [62]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA YB DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN
RAFIQUE (SETIAWANGSA)**

TARIKH 20 MAC 2012

**SOALAN YB DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN
RAFIQUE (SETIAWANGSA) minta MENTERI
LUAR NEGERI menyatakan apakah tahap
perbincangan Malaysia dengan Singapura
setakat ini berkaitan kedudukan Tubir Selatan
(*South Ledge*) yang masih belum diputuskan dan
apakah strategi Kerajaan di dalam menentukan
terumbu tersebut akan terus kekal milik negara.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa atas soalan yang dikemukakan.

2. Pada 23 Mei 2008, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) telah memberikan penghakiman di dalam *Case Concerning Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge*. Berikutan daripada itu, Malaysia dan Singapura telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Singapura mengenai Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan atau secara ringkasnya MSJTC.

3. MSJTC yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Setiausaha Tetap, Kementerian Luar Negeri Singapura bertanggungjawab di dalam pelaksanaan penghakiman ICJ dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini termasuklah memastikan aspek-aspek keselamatan pelayaran di kawasan sekitar Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan, serta memastikan saluran komunikasi di antara agensi-agensi penguatkuasaan. Sehingga kini, MSJTC telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali. Mesyuarat seterusnya dijangka akan diadakan dalam bulan September 2012.

4. Berhubung dengan isu Tubir Selatan, ICJ di dalam penghakiman pada 23 Mei 2008 telah memutuskan bahawa, dengan izin, *“that sovereignty over South Ledge belongs to the State in the territorial waters of which it is located.”*

5. Malaysia berpendirian Tubir Selatan terletak di dalam laut wilayah (*territorial waters*) Malaysia memandangkan, antara lain, Tubir Selatan terletak lebih hampir dengan Batuan Tengah, iaitu 1.7 batu nautika, berbanding dengan Batu Puteh yang terletak 2.2 batu nautika daripada Tubir Selatan. Oleh yang demikian, adalah jelas Tubir Selatan berada dalam laut wilayah Batuan Tengah yang dimiliki Malaysia.

6. Malaysia dan Singapura sedang dalam proses untuk membincangkan isu kedaulatan Tubir Selatan dalam MSJTC. Dalam hal ini, Mesyuarat Ke-6 MSJTC yang telah berlangsung pada 22-23 Februari 2012 bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil untuk membincangkan persempadanan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah yang akan menentukan laut wilayah kedua-dua entiti tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

TARIKH

20 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mungkinkah kerugian berjuta-juta ringgit oleh FELDA dan Sime Darby kerana pelaburan di luar negara boleh diselamatkan dan apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil sehingga sekarang ini.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelaburan FELDA di luar negara telah menunjukkan peningkatan prestasi kewangan yang bertambah baik. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah penambahbaikan rantaian bekalan dan logistik serta jalinan usaha dengan rakan kongsi strategik dan pelaku-pelaku utama industri.

Contohnya di Kanada, FELDA melalui FGVH telah menjalinkan

usahasama dengan Bunge, salah sebuah pelaku Industri Agri yang terbesar di dunia dalam perniagaan hiliran berasaskan soya dan kanola sejak akhir tahun 2011.

000000000000000000

(Nota : Bersama ini disertakan salinan jawapan soalan berkaitan penyenaian FGVH yang telah dijawab pada 14 Mac 2012 sebagai makluman)

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB

TARIKH

14 MAC 2012

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi semasa pelaburan FELDA Global Ventures Holdings Sdn Bhd (FGVH) di dalam dan di luar Negara serta sejauh manakah kajian mendalam yang dibuat mengenai buruk baik penyenaian FGVH di Bursa Malaysia.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN : 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Saya mohon menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian bersekali dengan Sri Gading (20 Mac 2012), Sekijang (22 Mac 2012), Tawau (27 Mac 2012), Jempol (28 Mac 2012), Jerantut (29 Mac 2012),

Lenggong (2 April 2012), Kalabakan (10 April 2012) dan Tanjung Malim (11 April 2012) kerana soalan-soalan tersebut adalah saling berkaitan.

Soalan-soalan tersebut menyentuh empat perkara berikut;

- i. Rasional dan manfaat penyenaian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) kepada peneroka dan rakyat termasuk jaminan Kerajaan bahawa peneroka tidak akan rugi.
- ii. Tahap persediaan dan kemajuan terkini penyenaian.
- iii. Pemahaman dan persetujuan peneroka ke atas penyenaian.
- iv. Prestasi pelaburan FGVH dan strategi masa depan FGVH untuk memberi pulangan lumayan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjamin bahawa masa depan peneroka akan sentiasa terjaga sebelum dan selepas penyenaian serta segala keistimewaan yang dinikmati seperti prasarana rancangan, insentif produktiviti atau bonus, pemberian Hari Raya, khairat kematian, program pendidikan dan latihan kemahiran untuk generasi FELDA serta program keusahawanan akan terus disediakan. Manakala, tanah kebun dan tapak rumah serta saham milik peneroka dalam KPF tidak akan sama sekali diusik walaupun sedikit. Penyenaian ini bakal menguntungkan peneroka FELDA di mana FGVH akan dapat merungkai nilai daripada aset-aset miliknya dari prospek perniagaan yang baik serta memperoleh dana untuk membiayai pertumbuhan masa depan yang mana tentunya tidak akan merugikan peneroka.

Di samping itu, manfaat ekonomi peneroka dapat ditingkatkan melalui

perkongsian keuntungan yang dijana selepas penyenaian. Peneroka juga akan mendapat durian runtuh sepertimana yang diumumkan YAB Perdana Menteri dan berpeluang untuk membeli saham FGVH semasa penyenaian. Manfaat ekonomi daripada penyenaian ini bukan sahaja dapat dinikmati oleh warga dan pekerja FELDA malahan dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia melalui penyertaan pelbagai kumpulan pelabur semasa dan selepas penyenaian.

Tindakan ini juga adalah selaras dengan Dasar mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan (GRIB) dan Model Baru Ekonomi. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk menambahbaik kecairan pasaran modal dan mengelakkan keadaan anti-persaingan di sektor swasta. Penyenaian FGVH di dalam Bursa Malaysia akan mewujudkan salah sebuah syarikat multinasional terbesar di dunia yang berasaskan agri-bisnes bersepadu dan dinamik. Ini juga akan dapat meningkatkan prestasi dan produktiviti FGVH seiring dengan pelaku industri perladangan global yang lain.

Kajian manfaat penyenaian FGVH telah dibuat dengan teliti oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan bersama perunding strategi serta penasihat yang telah dilantik sekarang ini dalam fasa terakhir proses penyenaian. FGVH juga sentiasa memperkukuhkan barisan pengurusan dengan mendapatkan bakat-bakat terbaik industri dan menjalin usahasama dengan rakan kongsi strategik bagi mengembangkan perniagaan hiliran ke serata dunia.

Menyentuh kepada soalan sama ada persetujuan daripada peneroka telah

diterima, berdasarkan maklum balas daripada sesi penerangan yang telah diadakan, sebahagian besar masyarakat peneroka FELDA telah menyatakan sokongan terhadap penyenaian ini. Manakala minoriti yang tidak menyokong adalah disebabkan oleh hasutan pihak-pihak tertentu. Banyak sesi penerangan kepada masyarakat peneroka telah diadakan sejak beberapa bulan yang lepas dan usaha ini akan diteruskan di samping saluran-saluran media yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FGVH merupakan anak syarikat milik penuh FELDA iaitu sebuah agensi Kerajaan di bawah seliaan Menteri yang bertanggungjawab. Oleh itu, keputusan penyenaian FGVH telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah FGVH, FELDA dan Menteri yang bertanggungjawab.

Menyentuh soalan berkaitan prestasi semasa pelaburan FGVH bagi tahun berakhir 2009 dan 2010, keuntungan sebelum cukai bagi Kumpulan FGVH masing-masing adalah sebanyak RM203 juta dan RM366 juta sementara tahun 2011 masih diaudit. Prestasi semasa perniagaan luar negara kini menunjukkan peningkatan yang baik. Ingin saya maklumkan bahawa pelaburan global di 12 buah negara (Amerika Syarikat, Kanada, China, Turki, Afrika Selatan, Australia, Indonesia, Thailand, Pakistan, India, Perancis dan Arab Saudi) yang dibuat oleh FGVH merupakan strategi jangka panjang bertujuan mempelbagaikan sumber pendapatan FELDA supaya tidak terlalu bergantung kepada penjualan minyak sawit sahaja. Pelaburan luar negara ini secara tidak langsung telah mewujudkan rantaian nilai bersepadu (*integrated value-chain*) yang mana ianya telah dikembangkan kepada industri oleokimia, minyak dan lemak yang bakal

membuka peluang untuk FELDA melibatkan diri di dalam industri pengeluaran barangan pengguna (*consumer products industry*).

Manakala mengenai soalan berkaitan strategi perniagaan, di antara strategi utama FGVH bagi meningkatkan pulangan adalah peningkatan kecekapan operasi secara berterusan, pengukuhan tahap tadbir urus dan pengembangan perniagaan di peringkat global. FGVH juga akan tetap memberi fokus untuk mengembangkan perniagaan huluannya terutama di rantau ASEAN dan benua Afrika dan hilirannya ke serata dunia.

Sebagai kesimpulan, penyenaiaan FGVH ini adalah satu inisiatif sejajar dengan matlamat transformasi negara yang bukan sahaja menguntungkan warga FELDA malah dapat dikongsi nikmat kemakmurannya oleh seluruh rakyat Malaysia.

PERTANYAAN : LISAN^{00000000CX)00CX)0000}

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL

[SUNGAI PETANI]

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA

MENTERI menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan perkhidmatan bas henti-henti di bandar-bandar dan kampung-kampung beroperasi seperti biasa dan tidak terganggu akibat masalah kewangan dan pengurusan yang dihadapi oleh pengusaha bas-bas tersebut; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula sistem bas mini yang dikendalikan oleh operator bebas bagi menyelesaikan masalah bas henti-henti ini.

SOALAN NO.64

**JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Mesyuarat Ekonomi (EC) bertarikh 19 Disember 2012 telah meluluskan peruntukan interim berjumlah RM 400 juta bagi membantu pengusaha untuk meneruskan perkhidmatan bas berhenti-henti bukan sahaja di bandar malah di luar bandar.

Peruntukan permulaan berjumlah RM100 juta akan digunakan pada fasa pertama yang bermula pada suku pertama 2012. Dalam fasa pertama, dana ini akan digunakan untuk membantu syarikat-syarikat yang bermasalah di Negeri Selangor dan akan disusuli dengan negeri-negeri lain seperti Negeri Sembilan dan Pahang.

Pembayaran pertama telah dibuat kepada pengusaha bas berhenti- henti iaitu Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan berjumlah RM1.3 juta pada 23 Febuari 2012.

Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan bahawa **SOALAN NO. 64** oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah bersifat jangka pendek, namun melalui perbincangan dengan pengendali bas henti-henti ini, S.P.A.D. sedang merangka satu cadangan jangka panjang sebagai membantu industri ini secara menyeluruh dalam menangani permasalahan yang dihadapi.

S.P.A.D. akan meneliti kemungkinan untuk memperkenalkan operasi bas mini yang dikendalikan oleh operator bebas bagi menyelesaikan masalah bas berhenti-henti. Kerajaan tidak menafikan operasi sedemikian banyak membantu rakyat yang bergantung kepada mod pengangkutan ini pada kadar tambang yang berpatutan. Namun demikian, S.P.A.D. akan meneliti secara terutamanya berhubung kualiti dan aspek keselamatan penumpang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BT MO HD YUSOFF

SOALAN NO.: **51**

(RANTAU PANJANG)

TARIKH 20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yus off [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah anak luar nikah di seluruh negara pada tahun 2007 hingga 2010 dan berapakah jumlah dalam jagaan di rumah kebajikan di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius akan perbuatan seks luar nikah sehingga menyebabkan kanak-kanak atau wanita mengandung. Usaha menangani kegiatan ini bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab KPWKM semata-mata. Dalam hal ini, kerjasama daripada pelbagai agensi Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan, badan-badan agama, sektor korporat dan masyarakat umum amat penting bagi membendung masalah ini secara bersepadu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 759 kes kanak-kanak hamil luar nikah (berumur 18 tahun ke bawah) yang mendapat perkhidmatan perlindungan dan pemulihan di empat (4) buah Taman Seri Puteri yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari tahun 2004 hingga 2011.

Selain itu, jumlah kes remaja hamil luar nikah yang berumur 18 tahun ke atas yang mendapat perlindungan dan pemulihan JKM melalui dua buah

Pusat Jagaan Sinar Kasih dari tahun 2008 hingga 2011 adalah sebanyak 695 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Selain institusi JKM, Sekolah Harapan untuk remaja hamil di Melaka telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) pada 17 September 2010. Pada masa ini, terdapat seramai 34 orang remaja hamil luar nikah yang mendapatkan perlindungan dan menjalani pemulihan di sekolah tersebut. Sejak penubuhannya, sekolah ini telah menerima masuk seramai 50 orang remaja hamil luar nikah dari seluruh negeri Melaka.

Berdasarkan kepada pemantauan yang dijalankan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, adalah didapati bahawa tiada kes berulang bagi kanak-kanak yang menjalani program pemulihan di Taman Seri Puteri dan Sekolah Harapan. Manakala bagi wanita yang menjalani program pemulihan, terdapat sebanyak dua kes yang berulang melakukan seks luar nikah sehingga mengandung anak luar nikah di Pusat Jagaan Sinar Kasih.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan kelahiran anak tidak sah taraf, statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), menunjukkan bahawa bilangan kelahiran anak tidak sah taraf adalah seramai 46,822 orang bagi tahun 2008, 52,378 orang (tahun 2009) dan seramai 52,982 orang (tahun 2010). Sehubungan itu, jumlah keseluruhan kelahiran anak tidak sah taraf bagi tempoh tiga tahun ialah seramai 152,182 orang.

Berhubung dengan anak tak sah taraf yang tidak mempunyai ibu bapa, JKM memberi perlindungan dan penjagaan kepada mereka di sebelas (11) buah Rumah Kanak-Kanak (RKK) di seluruh negara. Dalam hal ini terdapat seramai 91 orang anak tak sah taraf di RKK pada ketika ini.

Sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan, KPWKM amat serius terhadap kelahiran anak luar nikah. Dalam hal ini antara usaha yang diambil bagi menangani isu tersebut ialah :

- i) menggubal Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan pada tahun 2009. Dasar dan Pelan Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat terutama ibu bapa dan remaja berhubung kesihatan reproduktif dan kesan negatif akibat perlakuan seksual di

luar nikah;

- ii) KPWKM juga telah melancarkan kempen Kami Prihatin dengan kerjasama Kumpulan Utusan Malaysia, Persatuan Karyawan dan Astro Holdings Sdn. Bhd. pada bulan April tahun 2010. Kempen tersebut yang dijalankan secara berterusan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat, termasuk pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi untuk bersama-sama menangani kelahiran anak luar nikah;

KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PKRS) ke dalam program PLKN mulai siri ke-2 pada bulan Julai 2011. Program ini telah melibatkan seramai 51,928 orang pelatih PLKN di 85 kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. Bagi tahun 2012, seramai lebih 100,000 orang pelatih akan mengikut modul berkenaan;

- iv) Melalui LPPKN juga telah ditubuhkan sebanyak 6 buah pusat remaja kafe@TEEN yang mensasarkan golongan muda berumur antara 13 dan 24 tahun. Pusat remaja ini memberi maklumat berkaitan dengan

isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling, khidmat klinikal dan kemahiran hidup, perhubungan antara jantina dan tingkah laku berisiko, termasuk perlakuan seksual sebelum nikah. Program “*outreach*” kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat telah berjaya mendekati seramai 278,556 orang remaja melalui 4,886 program/aktiviti dari November 2005 sehingga Disember 2011; dan

- v) Menyediakan talian perkhidmatan iaitu Talian Nur 15999 bagi membantu mereka yang mengandung luar nikah mendapatkan khidmat kaunseling serta mendapatkan bantuan tanpa hadir secara fizikal, termasuk untuk mendapatkan perlindungan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

JAWAB LISAN

TARIKH

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

SOALAN

20 MAC 2012 (SELASA)

Dr. Che Rosli bin Che Mat ^{NO. 66} [**Hulu Langat**] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah pengangguran siswazah-siswazah yang makin meningkat sekarang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut hasil Kajian Pengesanan Graduan (*Tracer Study*) Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2011, sebanyak 75.9% graduan telah bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Ini merupakan peningkatan sebanyak 2.6% berbanding dengan pencapaian pada tahun 2009 iaitu 73.3%, sekaligus mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian iaitu 75%.

Walaupun, Kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan pengangguran secara keseluruhannya. Antara langkah-langkah strategik yang diambil adalah seperti berikut:-

- i. memastikan program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA adalah memenuhi kehendak pasaran dan industri;
- ii. kurikulum pengajian di IPTA disemak dan dikemas kini bagi memenuhi kehendak pasaran terutamanya bagi bidang yang mengalami perkembangan teknologi yang pesat seperti ICT. Setiap kursus baru juga perlu mendapat input dari industri serta menjalankan kajian pasaran sebelum diluluskan;
- iii. meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi ICT dan teknikal dalam melahirkan graduan yang mempunyai nilai tambah yang dapat membantu mereka dalam memenuhi kehendak pasaran;
- iv. memasukkan elemen keusahawanan dalam program pengajian supaya mereka boleh bekerja sendiri dan menjadi usahawan yang mampu pula mewujudkan peluang pekerjaan;
- iv. mewajibkan latihan industri bagi memberikan lebih pengalaman dan meningkatkan kemahiran kepada pelajar; dan
- vi. penerapan pembangunan sahsiah, kemahiran insaniah dan komunikasi dalam program pengajian dan aktiviti kokurikulum, termasuk penguasaan berbahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu, Kementerian turut mengadakan program kebolehpasaran graduan seperti Program GEMS (*Graduate*

Employability Management Scheme), *MIMOS Code 8* dan Program Pentauliah Professional (3P). Kementerian juga telah menggubal Dasar Pembangunan Keusahawan Institusi Pengajian Tinggi untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di kalangan IPT tempatan dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan serta melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah yang bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi Negara. Pendidikan keusahawanan yang menerapkan nilai-nilai dan atribut keusahawanan ini juga dapat memupuk sikap berdaya saing, kreatif serta mempunyai kemahiran tinggi yang secara tidak langsung dapat menjadi penggerak bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar.

DARIPADA

PUAN TEO NIE CHING

[SERDANG]

TARIKH

20 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan gaji dan elaun Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, Ahli Parlimen, pengerusi dan pengarah yang dipegang oleh mereka.

DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gaji bulanan Perdana Menteri

JAWAPAN: adalah sebanyak **RM22,826.65**. Manakala gaji
Timbalan Perdana Menteri adalah sebanyak **RM18,168.15** sebulan.

Elaun-elaun lain yang diterima oleh Perdana Menteri dan Timbalan
Perdana Menteri adalah berdasarkan kelayakan yang diperuntukkan
di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan 1980) Akta 237.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
DARIPADA **DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**
KAWASAN **LISAN**
TARIKH NO. **Tuan Sivarasa *AIL* K. Rasiah Subang**
SOALAN **20.03.2012 (SELASA)**

68

TUAN SIVARASA *AIL* K. RASIAH (SUBANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada, dalam rundingan Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) dan Malaysian-European Free Trade Agreement (MEUFTA) Kerajaan bercadang mengecualikan industri-industri tembakau dan farmaseutical daripada skop perjanjian yang akan ditandatangani kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Trans-Pasifik atau TPP telah melalui sebelas pusingan rundingan sehingga Mac 2012, manakala Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia dengan Kesatuan Eropah atau dengan izin, *Malaysia-European Union Free Trade Agreement* (MEUFTA) pula telah melalui enam pusingan rundingan sehingga Februari 2012.

Tuan Yang Di Pertua,

Skop rundingan akses pasaran bagi bidang perdagangan barangan di bawah TPP dan MEUFTA adalah komprehensif dan merangkumi liberalisasi pelbagai sektor serta industri tempatan termasuklah industri tembakau dan farmaseutikal.

Pada masa ini, produk tembakau dan farmaseutikal masih dirundingkan dan pendirian Malaysia untuk kedua-dua produk ini turut berkait rapat dengan pendirian serta komitmen Malaysia dalam bab Hak Harta Intelekt dan bab Pelaburan dalam kedua-dua Perjanjian. Kerajaan perlu melihat secara holistik dalam mencapai pendirian yang seimbang bagi memastikan perjanjian FTA memberi faedah dari segi ekonomi dan sosial kepada rakyat.

Pendirian Malaysia dalam farmaseutikal adalah untuk mencapai hasil

yang seimbang dengan mengambil kira akses kepada ubat- ubatan dengan harga yang munasabah dan memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pemegang-pemegang paten.

Sehingga kini, rundingan akses pasaran bagi kedua~dua perjanjian FTA ini masih berjalan dan perbincangan bertumpu kepada rundingan ke atas teks perjanjian serta pertukaran tawaran konsesi duti import. Sebarang keputusan untuk membuka pasaran tempatan akan mengambil kira pandangan *stakeholders*, dengan izin, dan sensitiviti industri tempatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Semasa merundingkan FTA, Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap hak dan kebajikan rakyat, industri dan peniaga tempatan serta faedah yang boleh diperolehi negara. Pihak Kerajaan juga sentiasa memastikan agar kepentingan negara tetap terpelihara dalam kesemua rundingan FTA. Justeru, Kerajaan akan membuat keputusan mengenai liberalisasi pembukaan pasaran tempatan dalam bidang yang dirundingkan berdasarkan input dari semua pihak melalui konsultasi dengan pelbagai pihak atau *stakeholders*, dengan izin, yang merangkumi pihak swasta, Kerajaan dan badan bukan Kerajaan.